

**SABAH
NEGERI DI BAWAH BAYU
&
SARAWAK BUMI KENYALANG**

5005 932 5

WILAYAH PEMERINTAHAN
SARAWAK DAN SABAH
APR

Cetakan Pertama 1998

©Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluar ulang
mana-mana bahagian buku ini dalam apa jua bentuk
atau cara sekalipun kecuali dengan izin bertulis
daripada

PENERBIT PRISMA SDN BHD

NO. SYARIKAT: 154124-A
129, Jalan SS 25/2, Taman Mewah
47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-7034393 / 7034397
Fax: 603-7039367

ISBN 983-823-559-8 (SIRI)
983-823-569-5

MABOPA
No. Ahli: 8702

M
959.521
AMP

Dicetak oleh **YEOHPRINCO SDN BHD**

26 SEP 2002

NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
APB 01077589

Siri Kenali Negerimu

Sabah Negeri Di Bawah Bayu & Sarawak Bumi Kenyalang



Amran Abdullah
Azmi Yusoff

Penerbit Prisma Sdn Bhd
No Syarikat: 154124 - A
Petaling Jaya

SABAH NEGERI DI BAWAH BAYU

Ahli sejarah mengatakan bahawa Pulau Borneo dahulu adalah sebahagian daripada tanah besar yang digelar Sindaland. Permukaan bumi kawasan itu telah mengalami perubahan yang banyak akibat gempa bumi dan letusan gunung berapi. Perubahan-perubahan itu berlaku secara berterusan hingga ke Zaman Paleolitik.

Kawasan yang kini dinamakan Sabah pernah juga disebut sebagai 'Api-Api'. Sebuah peta lama yang dibuat dalam abad keenam belas menyebut kawasan yang kini digelar Sabah sebagai Fire Islands (Pulau Api). Penjelasan yang paling dekat berkenaan dengan nama ini adalah berkaitan dengan gunung berapi berlumpur yang terdapat di Pulau Tiga (di antara Labuan dan Kota Kinabalu).

Penemuan-penemuan arkeologi di kawasan seperti Ting Kayu, Gua Madai dan tempat-tempat lain di timur Sabah membuktikan bahawa kawasan ini telah didiami manusia sejak 28 000 tahun yang lampau. Di samping itu, terdapat juga beberapa penemuan di Gua Gumantong yang menunjukkan adanya penempatan manusia semenjak 4,000 tahun dahulu.

Rujukan berkenaan dengan sejarah awal Sabah jarang terdapat dalam rekod-rekod lama penulis Cina atau Arab. Namun begitu, dalam tahun 1292, satu ekspedisi yang diutuskan oleh Maharaja Kublai Khan ada menyebut tentang kawasan yang dinamakan Chinabatangan, kawasan yang kini disebut Kinabatangan. Daripada rekod Inggeris pula terdapat catatan tentang Sabah yang dibuat oleh Kapten Alexander Dalrymple dan Mejar James Rennel, yang menjelajahi kawasan pantai barat Sabah hingga ke Pulau Balembangan.

Nama Sabah telah lama digunakan. Malah nama ini sudah digunakan sebelum kedatangan British ke Pulau

Borneo lagi. Atas sebab-sebab yang tertentu, orang British tidak gemar menggunakan nama 'Sabah' dan menuarkannya kepada North Borneo (Borneo Utara). Mulai tahun 1881, nama ini digunakan dalam semua urusan rasmi mereka. Nama 'Sabah' digunakan semula apabila negeri itu menyertai Malaysia dalam tahun 1963.

Negeri Sabah pernah juga dikenali dengan nama Seludang. Nama 'Seludang' ini tersebut dalam syair Jawa karangan Prapancha, Nagarakertagama (1365). Ada keterangan yang menunjukkan bahawa pusat negeri Seludang itu terletak di antara kawasan Teluk Marudu dan Tanjung Bangkota hingga ke Jambongan.

Sebenarnya nama Sabah mula digunakan dalam abad kelima belas oleh pelaut dan pedagang yang mengembara di antara kepulauan Sulu dan Brunei.

Nama Sabah dikatakan berasal daripada pisang saba yang sekarang

disebut pisang menurun. Pisang saba ini juga kadang-kadang disebut sebagai pisang jaba oleh masyarakat Bajau. Nama Sabah digunakan kerana orang yang mendiami pantai barat kebanyakannya menanam pisang jenis ini di samping padi sebagai makanan mereka. Pisang saba dari Sabah terkenal hingga ke Brunei. Daripada pengaruh pelat masyarakat tempatan, lama-kelamaan perkataan saba bertukar menjadi 'sabah'.

Ada beberapa andaian lain mengenai asal nama Sabah ini. Sabah dikatakan pernah disebut dalam rekod-rekod asal Borneo tetapi hanya sebagai rujukan kepada kawasan barat laut Borneo.

Ada pula penulis yang memberi kaitan romantik kepada nama Sabah. Penulis Inggeris, Maxwell Hall yang mengarang Sabah and Shaba, membandingkan Sabah dengan Shaba di Yaman. Katanya kedua-dua perkataan



itu sedap didengar dan dikaitkan dengan bau-bauan yang wangi, rempah-ratus, emas dan permata yang terdapat pada zaman Raja Sulaiman. Hall mengatakan nama Sabah, Saba dan Sebca adalah ejaan yang berlainan bagi nama yang sama.

Tidak kurang pula yang mempercayai nama Sabah berasal daripada perkataan Arab. Akan tetapi, ahli sejarah dan etnologi yang terkenal yang pernah bertugas sebagai kurator Muzium Sarawak, Tom Harrison mengatakan bahawa makna nama Sabah itu tidak dapat dikesan. Katanya, terdapat beberapa banyak tempat di Borneo yang namanya berasal dari zaman prasejarah, yang maknanya tidak diketahui.

Walau apa sekalipun maknanya, panggilan Sabah bagi kawasan yang terletak di utara Pulau Borneo terdapat

dalam sejarah Brunei. Dalam tahun 1877, Sultan Brunei telah memberikan kuasa kepada baron Gustav Von Overbeck untuk menakluk Sabah. Overbeck sendiri diberi gelaran Maharaja Sabah.

Sebagai sebuah koloni British, Sabah mengekalkan nama North Borneo. Sabah merdeka melalui Malaysia susulan laporan Suruhanjaya Cobbbold yang dihantar ke sana untuk menentukan hasrat penduduknya.

Dari segi geografi, Sabah adalah negeri yang kedua terbesar di Malaysia selepas Sarawak. Keluasannya ialah 80 500 kilometer persegi. Pentadbiran negeri Sabah dibahagikan kepada lima residensi: Residensi Kudat, Residensi Pantai Barat, Residensi Sandakan, Residensi Tawau dan Residensi Pedalaman. Kota Kinabalu dijadikan ibu negeri Sabah.

LEADER PRESS
PRINTING & PUBLISHING



BATU PUNGGUL

Tulang kipas landak digunakan untuk menebang batu.

Batu Punggul sebuah perkampungan terpencil di Sabah. Perkampungan ini terletak kira-kira 40 kilometer dari pekan Sapulut di kawasan lembah di antara Banjaran Witti dan Banjaran Maitland, tidak jauh dari sempadan Kalimantan. Yang disebut batu punggul itu ialah batu besar yang berbentuk seperti batang kayu. Batu ini tingginya lebih kurang 400 kaki dan ukur lilitnya kira-kira sebatu.

Menurut kepercayaan suku Murut, dahulu ada enam pemuda adik-beradik yang tinggal di tempat ini. Mereka ada seorang adik perempuan yang dikatakan gadis yang paling cantik di kampung itu. Mereka sangat menyayanginya.

Sebelum Batu Punggul berada di kawasan Sapulut, ada seketul batu lain yang berbentuk serupa di hulu sungai. Di puncak batu itu tinggal seekor landak yang mengeluarkan



bau yang luar biasa yang boleh membunuh sesiapa yang terhidunya. Landak berbahaya itu perlu dihapuskan.

Pemuda enam beradik itu mencuba menebang batu besar itu, tetapi gagal. Malam itu adik perempuan mereka bermimpi bahawa batu itu hanya boleh ditebang dengan menggunakan tulang kipas landak yang tinggal di situ. Keesokannya, enam pemuda itu pun pergi ke hutan untuk menjerat landak tersebut. Mereka menggunakan batang kayu, tetapi usaha mereka gagal. Dengan menggunakan batang pisang, barulah mereka berjaya. Binatang yang terperangkap itu disebelih. Dagingnya dimakan dan tulangnya dibuat kapak untuk menebang batu besar itu.

Sewaktu batu itu ditebang, adik perempuan mereka berdiri di atas batu

lain yang berhampiran. Dengan sekali tetak sahaja batu besar itu pun pecah dan jatuh ke dalam Sungai Sapulut. Pada masa itu juga, batu tempat adik perempuan mereka berdiri itu tumbuh tinggi. Gadis itu terperanjat besar lalu menjerit-jerit meminta tolong. Abang-abangnya yang separuh tergamam itu segera menebang batu tersebut pula. Akhirnya batu itu pecah dan puncaknya terpelanting ke Tenom Lama, di antara Tenom dan Panggi. Batu yang terpelanting itu dipanggil Batu Pinuto. Enam pemuda adik-beradik itu kemudian mencari adik perempuan mereka yang turut terpelanting. Lama mereka mencarinya namun tidak juga bertemu. Adik mereka yang disayangi itu ghaib begitu sahaja.

BATU BAJAU

Batu Bajau terletak tujuh kilometer dari Tambunan, di suatu tanah lapang yang dikelilingi rumpun buluh poring dan pokok rendang. Bentuknya seperti sebilah keris berlok empat setinggi 230 sentimeter dari permukaan tanah dan lebarnya antara 61 hingga 76 sentimeter.

Menurut legenda, batu itu telah dipacahkan oleh seorang pahlawan Dusun bernama Bajau yang berasal dari Nunuk Ragang. Kisah ini bermula apabila pada suatu hari dua orang pengikut Bajau pergi berburu dengan anjing-anjing mereka. Sedang mereka asyik mengejar seekor babi hutan, tiba-tiba mereka terkena jerat Tuwil yang dipasang oleh orang Tasapang atau Monsokito.

Kedua-dua pemburu itu cedera parah. Ketika ditemui, mereka sudah berada dalam keadaan tenat. Mereka diusung pulang untuk diubati tetapi meninggal dunia setiba sahaja di rumah. Kematian

mereka itu telah menimbulkan kemarahan Bajau dan dia meminta nyawa orang Tasapang sebagai galang gantinya. Orang Tasapang yang mendengar permintaan itu sebaliknya meminta supaya nyawa pengikut-pengikut Bajau itu digantikan dengan harta benda seperti gong dan tajau sahaja. Bajau bersetuju tetapi dia meminta berpuluh-puluh buah gong dan tajau. Orang Tasapang menganggap permintaan itu keterlaluan dan mereka tidak sanggup memenuhiinya.

Maka berlakulah pertempuran antara pengikut-pengikut Bajau dan orang Tasapang. Dalam pertempuran itu Bajau hanya menggunakan sebatang pokok besar yang dicabutnya, manakala orang Tasapang pula menggunakan parang dan tombak. Bajau menghayun pokok itu ke kiri dan ke kanan. Orang Tasapang yang terkena pokok itu mati bergelimpangan dan yang masih hidup terpaksa

lari bertempiaran untuk menyelamatkan diri. Mereka yang mlarikan diri itu bersumpah akan membala dendam dan membunuh Bajau. Kesempatan itu diperolehi tatkala Bajau pergi mandi di anak Sungai Pagalan.

Ketika mandi, Bajau berbaring dan melintangkan tubuhnya merentas anak sungai itu. Oleh kerana badannya amat besar, aliran sungai itu telah terhalang hingga cetek air di hilir badannya. Bajau memanggil pengikut-pengikutnya untuk memungut ikan di air cetek itu. Ketika itulah orang Tasapang yang bersembunyi di tebing sungai mengambil kesempatan untuk menyumpit Bajau. Bagi Bajau, sumpitan beracun itu hanya dirasakan seperti gigitan nyamuk sahaja. Akan tetapi, tidak lama kemudian Bajau menyuruh pengikut-pengikutnya menyegearkan pemungutan ikan kerana 'gigitan nyamuk' itu semakin menjadi-jadi. Bajau berbingkas bangun sambil mengambil seketul batu besar dan mengepitnya di bawah ketiak. Batu itu dibawa ke tanah tinggi yang berhampiran.

Bajau tidak percaya bahawa gigitan nyamuk itu kini begitu menyakitkan.

Akhirnya dia terasa bahawa badannya sudah tidak dapat menahan kesakitan itu dan ajalnya mungkin sudah tiba. Bajau memacahkan batu di bawah ketiaknya itu ke tanah dan menyuruh pengikut-pengikutnya menguburkannya di situ. Selain itu, Bajau mewasiatkan supaya anak buahnya berdamai dengan orang Tasapang selepas peninggalannya. Bajau meninggal dunia. Untuk memudahkan pengebumian, tubuh Bajau yang besar itu dipotong menjadi beberapa bahagian. Batu besar itu dijadikan batu nisan. Sebagai penghormatan kepada pemimpin mereka, pengikut-pengikut Bajau telah menamakan tempat tersebut sebagai Batu Bajau. Dengan kematian Bajau itu tamatlah permusuhan antara orang Tasapang dan pengikut Bajau.

Batu Bajau dan Sungai Pagalan yang mengalir melalui kawasan ini kini menjadi tempat perkelahan yang popular. Alam semula jadi di situ sangat indah dan air sungainya pula jernih, bersih. Batu Bajau bukan sahaja memikat penduduk Tambunan, tetapi juga penduduk daerah-daerah yang berdekatan.

GUNUNG KINABALU

Gunung Kinabalu terletak di daerah Kundasang, kira-kira 70 kilometer dari bandar Kota Kinabalu. Ketinggian Gunung Kinabalu ialah 4.100 meter (13 455 kaki), menjadikannya puncak tertinggi di Asia Tenggara dan kebanggaan rakyat Malaysia. Taman Negara Kinabalu yang meliputi kawasan seluas 754 kilometer persegi terkenal dengan kekayaan khazanah floranya.

Menurut masyarakat Dusun dan Kadazan yang masih mengamalkan fahaman animisme, gunung ini dianggap gunung keramat dan mempunyai penunggu yang dinamakan *Gayonakan* atau 'kuat makan'.

Gayonakan juga dikenali sebagai aki, iaitu datuk atau nenek moyang. Penunggu itu dikatakan bersemayam di puncak Gunung Kinabalu. Dalam jampi mantera orang Dusun dan Kadazan pula, banyak ditemui perkataan nabalu yang bermaksud tempat roh. Roh manusia

diperdayai singgah di nabalu sebelum berangkat ke dunia lain, iaitu ke syurga atau ke neraka.

Menurut cerita, nama persemayaman *Gayonakan* itu sering disebut sebagai akinabalu. Daripada perkataan itulah lahirnya nama Kinabalu.

Orang Dusun Lotud yang mendiami kawasan berdekatan bandar Tuaran pula mengaitkan Gunung Kinabalu dengan legenda ketam raksasa. Mereka percaya bahawa suatu ketika dahulu, Bukit Rumpodoyon yang kemudiannya dinamakan Gunung Kinabalu, adalah tempat pertapaan seekor ular besar yang digelar Raja Monolon. Raja ular itu penjaga geliga sakti.

Suatu hari, seekor ketam raksasa menyerang Raja Monolon untuk merampas geliga sakti yang dijaganya. Mereka bergelut selama tujuh hari dan tujuh malam. Pada hari yang ketujuh, barulah ketam raksasa itu berjaya mengalahkan Raja

Ketam raksasa sedang mendaki Bukit Rumpodoyon.



Monolon. Malangnya ketam itu telah kehilangan satu sepitnya.

Setelah mendapat geliga sakti itu, ketam raksasa pun mendaki Bukit Rumpodoyon. Ketika ketam itu memaut puncak bukit itu dengan sepitnya, puncak itu telah runtuh dan terbelah dua. Khabarnya semenjak hari itu, kemuncak Gunung Kinabalu bercabang dua.

Ketam raksasa itu datang dari Kampung Indai. Di kampung itu tinggal sepasang suami isteri petani yang miskin dan tidak mempunyai anak walaupun sudah lama mendirikan rumah tangga.

Pada suatu hari, si isteri petani itu mengajak suaminya menangkap ikan di sungai. Mereka menggunakan sejenis alat yang dipanggil siud. Lama mereka mencuba, namun tidak seekor ikan pun

yang berjaya ditangkap. Sebaliknya, setiap kali siud diangkat terdapat seekor ketam kecil di dalamnya. Berkali-kali ketam itu dicampakkan ke dalam sungai, tetapi ketam itu kembali memasuki siud mereka.

Nasib mereka tidak berubah hingga ke akhirnya. Tidak seekor ikan pun yang berjaya ditangkap hari itu. Mereka pulang dengan tangan kosong. Oleh kerana ketam kecil itu terlalu gemar memasuki siud, mereka mengambil keputusan membawanya pulang ke rumah mereka.

Di rumah mereka, ketam itu ditempatkan di bawah tempurung kecil yang diletakkan di kaki tangga. Keesokannya, mereka terkejut besar. Ketika menuruni tangga untuk pergi ke ladang, mereka mendapati ketam itu telah membesar, hingga sebesar

tempurung kelapa. Mereka menganggap kejadian itu sebagai sesuatu yang akan membawa tuah kepada mereka. Petani tersebut mengalihkan ketam itu ke dalam sebuah pasu. Kemudian mereka meneruskan perjalanan mereka ke ladang. Apabila mereka pulang pada petang itu, keadaan ketam itu masih tidak berubah. Walau bagaimanapun, pada hari keduanya mereka benar-benar terperanjat. Ketam itu sudah mengisi keseluruhan pasu itu.

Kejadian aneh itu menjadi perbualan hangat penduduk di situ. Mereka datang beramai-ramai untuk melihatnya. Dengan bantuan mereka, ketam itu sekali lagi dialihkan ke dalam pasu yang lebih besar. Menjelang hari ketiga, ketam itu sekali lagi memenuhi pasu. Ketam itu dialihkan pula ke dalam sebuah kepuk padi yang disebut lokut.

Malam itu, isteri petani itu bermimpi bertemu dengan ketamnya. Dalam mimpi itu, si ketam berpesan supaya dia meminta pertolongan jiran-jirannya untuk mengangkat ketam itu keluar dari lokut.

Keesokannya petani itu menunaikan pesan ketamnya. Dia meminta bantuan orang kampung untuk mengeluarkan ketamnya yang telah memenuhi lokut itu. Setelah dikeluarkan ketam itu pun berjalan ke arah halaman rumah petani itu. Di situ ketam itu berhenti.

Pada malam berikutnya, isteri petani itu bermimpi lagi. Dalam mimpi itu dijelaskan bahawa ketamnya akan berjalan jauh. Ketam itu meminta supaya sepinya diikat untuk memudahkan perjalanan.

Menjelang pagi, badan ketam itu sudah benar-benar besar. Petani itu

sekali lagi meminta bantuan orang kampung untuk mengikat sepit ketam itu seperti yang diterangkan di dalam mimpi isterinya. Orang kampung bersetuju membantu. Kerja mengikat sepit ketam itu berjalan hingga ke senja. Pesan ketam itu selesai dilaksanakan.

Pada malam itu isteri petani itu bermimpi lagi. Dalam mimpi itu, ketam raksasa yang sudah diikat sepinya itu mengucapkan terima kasih dan meminta izin untuk meninggalkan Kampung Indai untuk bertarung dengan Raja Monolon. Tujuannya ialah untuk mendapatkan geliga sakti.

Daripada pertempuran antara ketam raksasa dengan Raja Monolon itu maka wujudlah beberapa puncak Gunung Kinabalu.

Puncak Gunung Kinabalu yang paling tinggi dinamakan Puncak Low (13 455 kaki). Hugh Low adalah orang Inggeris yang pertama sampai ke puncak ini, iaitu dalam tahun 1851. Walau bagaimanapun, beliau bukanlah orang yang pertama sampai ke situ. Orang pertama itu dikatakan orang yang bernama Ong Su Ping. Di Puncak Low terdapat suatu catatan dalam bahasa Kadazan: *10 KEHADAMAN OI GUNTING BIN LAGADAN HUCUAN MANA NAMUD ID NUCUHON KINABALU 1888-1966*.

Puncak-puncak Kinabalu yang lain ialah Puncak St.John (13 440 kaki), Puncak St. Andreas (13 295 kaki), Puncak King Edward (13 405 kaki), Puncak King George (13 340 kaki), Puncak Donkey's Ear (13 301 kaki), Puncak Ugly Sister (13 228), Puncak Alexandra (13 132 kaki) dan Puncak Tunku Abdul Rahman (12 952 kaki).

KAMPUNG BANGAU-BANGAU

Bangau-bangau putih kerap kerap singgah di kampung itu.

Kampung Bangau-Bangau, kira-kira tiga kilometer ke utara bandar Semporna didiami oleh suku-suku Bajau Laut, Sibutu, Suluk, Bugis dan Bisaya. Menurut cerita, nama kampung ini berasal daripada kehadiran sekumpulan burung bangau putih yang kerap singgah di situ kerana dalam perjalanan mencari makanan di pulau-

pulau yang berhampiran. Kehadiran burung tersebut telah memberi ilham kepada penduduk tempatan untuk menamakan kampung mereka Kampung Bangau-Bangau. Kawasan penempatan pertama di situ dikatakan bermula pada zaman penjajahan British dengan pembinaan enam buah rumah.



KAMPUNG ROMPON

Kampung Rompon yang terletak di antara Tambunan dan Keningau didiami oleh suku kaum Dusun. Tiga kampung yang berdekatan dengannya ialah Kampung Pantai, Kampung Kapok dan Kampung Lintuhan. Menurut cerita, Kampung Rompon telah diterokai oleh empat keluarga yang berasal dari Kampung Tabou, di daerah Ranau.

Ketika mereka tiba di tempat itu kira-kira 40 tahun lalu, seluruh kawasan itu hanya hutan tebal, dengan dicelahi paku-pakis dan pohon-pohon berduri. Mereka terpaksa menghadapi pelbagai halangan yang menguji ketabahan mereka. Namun mereka tetap berazam untuk membuka satu tapak penempatan baru di situ.

Selang beberapa tahun selepas itu, lebih ramai orang dari Kampung Tabou yang berhijrah ke Kampung Rompon. Penghijrahan penduduk dari kampung-kampung

lain menyusul kedatangan mereka. Pada masa ini penduduk Kampung Rompon ada yang berasal dari Tuaran, Keningau, Tambunan dan Kota Belud.

Sebelum didiami manusia, kawasan Kampung Rompon hanya disinggahi pencari-pencari rotan dan pemburu sahaja. Nama kampung ini mungkin diambil daripada nama sungai - Sungai Rompon yang mengalir di kawasan itu. Dan, nama sungai itu pula mungkin diambil daripada perkataan sompon yang bererti 'tutup'.

Kisahnya bermula dengan sebuah keluarga petani yang mendiami kawasan tersebut. Pada suatu hari, mereka pergi menangkap ikan di sungai yang berhampiran. Mereka menggunakan sejenis alat yang dipanggil siud.

Setelah sekian lama mereka mencuba, akhirnya tertangkaplah seekor ikan keli sebesar lengan orang dewasa. Ikan keli itu



Isteri petani itu terkejut melihat kepala ikan keli yang dimasaknya timbul dan bercabang tujuh.

dibawa pulang, disiang dan dimasak di dalam periuk. Sejurus kemudian, air di dalam periuk itu mendidih. Tiba-tiba kepala ikan keli itu timbul di tengah-tengah permukaan air yang sedang menggelegak itu. Anehnya, kepala ikan keli itu telah menjadi tujuh. Petani itu memanggil jiran-jirannya untuk menyaksikan kejadian yang ganjil itu.

Apabila mereka melihat ikan keli di dalam periuk itu, mereka berasa sangat takut seraya berkata, "Sompon! Sompon!" Maksudnya, "Tutup! Tutup!"

Periuk itu pun segera ditutup. Mereka beredar meninggalkan tempat

itu kerana percaya bahawa kejadian itu satu petanda tidak baik.

Di pertengahan jalan, mereka bertemu dengan beberapa orang pencari rotan dan pemburu. Mereka menceritakan tentang tempat yang telah ditinggalkan itu. Mereka memberitahu bahawa mereka menutup periuk itu dan meninggalkan ikan keli berkepala tujuh di dalamnya.

Cerita ikan keli berkepala tujuh itu tersebar luas. Lama-kelamaan tempat asal mereka itu dipanggil 'Sompon'. Sebutan 'Sompon' itu kemudiannya bertukar menjadi 'Rompon'.

KAMPUNG SOOK

Kampung Sook terletak tidak jauh dari Keningau, dalam perjalanan ke Nabawan. Pada suatu hari, sekumpulan buaya Sungai Sook telah mengganas. Penduduk kampung tersebut berada dalam ketakutan kerana sudah ramai yang menjadi mangsa buaya-buaya itu. Mereka sudah tidak bebas untuk bermandi-manda di sungai itu. Air sungai itu hanya dapat diambil dengan menimbanya dari tebing. Darihal ini, maka lahirlah nama Sungai Sook. Sook bermaksud 'timba'.

Suatu hari, seorang pemuda yang bernama Ongkor mencadangkan supaya semua penduduk kampung tersebut pergi ke sungai untuk berdamai dengan buaya-buaya yang ada di situ. Walau bagaimanapun, cadangan pemuda itu telah ditolak kerana dianggap tidak masuk akal. Lantaran itu Ongkor mengambil keputusan untuk pergi ke

Sungai Sook seorang diri. Ongkor pergi ke Sungai Sook ketika fajar menying sing. Dia hanya membawa sebuah bungkau, sejenis alat muzik tempatan. Setibanya di tepi Sungai Sook, Ongkor meletakkan punggungnya di atas tungkul yang condong ke arah sungai sementara menanti buaya timbul. Tidak lama kemudian, timbullah raja buaya di situ. Badannya sangat besar. Buaya itu perlahan-lahan menghampiri Ongkor lalu membedalnya. Ongkor jatuh ke dalam sungai dan terus menjadi mangsa buaya itu.

Walau bagaimanapun, bungkau Ongkor telah tersengkang pada kerongkong buaya tersebut. Beberapa hari selepas itu buaya tersebut jatuh sakit kerana tidak dapat makan dan minum. Semakin lama, semakin tenat keadaan buaya itu. Banyak bomoh buaya yang cuba untuk mengubatinya, namun bungkau itu tidak

dapat dikeluarkan. Hal demikian ini sungguh menyedihkan masyarakat buaya di situ.

Di Kampung Sook ada seorang perempuan tua bernama Tawor. Tawor dikenali ramai. Dia mempunyai kebolehan mengubati pelbagai jenis penyakit. Kebolehannya yang paling menonjol ialah mengeluarkan benda-benda yang tersengkang pada kerongkong. Pada suatu pagi, ketika Tawor mencuci pinggan di gigi air Sungai Sook, tiba-tiba muncul seekor buaya di hadapannya.

"Nenek, jangan takut. Saya tidak berniat jahat. Saya cuma memerlukan pertolongan nenek," kata buaya itu.

"Bagaimana saya dapat menolong awak?" tanya Tawor.

"Begini," jelas buaya itu. "Raja kami sedang sakit teruk. Sudah banyak hari tulang tersengkang pada kerongkongnya. Sudah puas kami berusaha namun tulang itu tidak dapat dibuang."

Tawor termenung seketika. Pada fikirannya, sudah tentu raja buaya yang sakit itulah yang telah membaham Onkor. Dia bertanya, "Di mana raja kamu sekarang?"

"Dia berada di istana," jelas buaya itu.

"Bagaimana hendak ke sana, sedangkan saya tidak boleh bernafas di dalam air?" tanya Tawor lagi.

"Nenek, tolonglah. Saya bersumpah tidak akan mengapa-apakan nenek dan saya akan menghantar nenek pulang ke sini dengan selamat."

Lembut hati perempuan tua itu apabila mendengar rayuan sang buaya itu. Dia bersetuju membantu mengubati raja buaya itu. Tawor pun meninggalkan pinggan mangkuk yang hampir siap

dibersihkannya itu lalu memanjang belakang buaya tersebut. Dia memejamkan matanya seperti yang dicadangkan. Buaya itu berenang dari tebing sungai dan tidak lama kemudian sampai di istana rajanya.

"Neneh boleh membuka mata neneh sekarang," kata buaya itu.

Apabila Tawor mencelikkan matanya dia mendapati keadaan di perkaran istana itu sama seperti keadaan di daratan. Setelah mereka melalui suatu pintu gerbang batu, buaya itu bertukar menjadi seorang pemuda yang kakak. Tawor berasa sungguh hairan. "Kamukah yang menjelma sebagai buaya tadi?" tanya perempuan tua itu.

"Ya, nek. Sebenarnya kami juga seperti neneh. Di luar pintu gerbang itu kami akan bertukar menjadi buaya. Sekiranya ada di antara kami yang tidak melalui gerbang batu itu semasa balik dari berburu, dia akan kekal sebagai buaya."

Penerangan pemuda itu menambahkan kehairanan Tawor. Dari luar istana lagi Tawor dapat mendengar riuh-rendah suasana di dalam. Seketika kemudian, Tawor sudah berada di bilik peraduan raja buaya. Bergemuruh perasaannya apabila melihat badan raja buaya yang sasa itu. Mulut raja itu terengganu luas dan dia ternyata sakit tenat.

"Sebelum saya mengubati raja awak, awak semua mesti berjanji," tegas Tawor. "Selepas ini awak semua tidak boleh memakan anak cucu saya. Saya akan berpesan kepada mereka supaya mencampakkan seketul batu ke dalam sungai dan kemudian mengatakan bahawa mereka keturunan Tawor. Itulah caranya awak semua dapat mengenal-

mereka."

Ada buaya yang tidak bersetuju. Kata mereka syarat Tawor itu terlalu ketat. Permaisuri buaya membantah, "Apa akan terjadi apabila kami mengidam? Ketika itu semua manusia kelihatan seperti binatang kepada kami."

"Itu bukan masalah besar," jawab Tawor. "Kalau ada di kalangan awak yang mengidam, maka hendaklah awak timbul di permukaan air sebanyak tiga kali sebagai memberi amaran. Kalau manusia yang ada di situ tidak mlarikan diri maka dia adalah rezeki awak."

Selepas mendengar penjelasan Tawor itu semua buaya bersetuju untuk mematuhi syarat yang dikenakan. Tawor pun memulakan tugasnya. Dia membongkokkan badannya dan menghisap leher raja buaya itu sehingga bungkau yang tersengkang pada kerongkongnya terkeluar.

Raja buaya berterima kasih kepada Tawor dan menitahkan rakyatnya supaya mengadakan jamuan kesyukuran untuk mengenang jasa Tawor. Selepas makan dan minum, Tawor dibawa ke sebuah gedung yang di dalamnya terdapat tajau dengan pelbagai ukuran dan bentuk.

Kata raja itu, "Ambillah mana-mana tajau yang nenek mahu."

"Wahai raja buaya yang baik hati, sebenarnya nenek tidak memerlukan apa-apa balasan kecuali perdamaian. Walau

bagaimanapun, nenek berkenan pada tajau kecil ini. Bolehlah nenek jadikannya kenang-kenangan kunjungan nenek ke sini."

Raja buaya itu terperanjat dengan jawapan orang tua itu. Lalu diterangkaninya, "Nenek, semua tajau di sini mempunyai hikmat. Kalau ada sesiapa yang sakit, isikan tajau ini dengan air dan kemudian mandikan orang itu dengan air dari tajau ini. Nescaya dia akan sembah."

Selepas itu Tawor meminta dia dikembalikan ke kampungnya. Raja buaya segera menitahkan panglimanya supaya melaksanakan permintaan perempuan tua itu. Apabila panglima itu melalui pintu gerbang batu itu, dia bertukar menjadi buaya semula. Dia meminta supaya Tawor duduk di atas belakangnya dan menutup mata seperti sekawtu datang dahulu.

Tawor selamat tiba di tebing Sungai Sook dengan membawa tajau pemberian raja buaya itu. Dia mengucapkan terima kasih kepada buaya itu lalu kembali ke rumahnya. Tawor memberitahu penduduk kampung tentang pengalamannya dan perdamaian yang dibuat dengan raja buaya. Dia menasihatkan supaya jangan takut lagi untuk pergi ke Sungai Sook.

Dengan itu penduduk Kampung Sook bebas semula untuk mandi-manda dan membasuh di Sungai Sook. Hingga ke hari ini setengah-setengah keturunan Tawor masih mematuhi syarat perjanjian dengan raja buaya itu.

KAMPUNG SUNAG

D i Kampung Sunag, tidak jauh dari Sungai Kinarut, terdapat sebuah danau kecil tetapi panjang dan dalam. Danau itu tidak pernah kering walaupun pada musim kemarau. Suatu hari, seorang perempuan tua datang untuk menumpang tinggal di kampung ini. Kampungnya sendiri telah diserang oleh penyamun. Orang kampungnya semua terbunuh tetapi perempuan tua itu sempat melarikan diri.

Perempuan tua itu mengunjungi sebuah rumah panjang orang Kadazan di situ untuk berlindung. Walau bagaimanapun, penghuni rumah panjang itu tidak sedikit pun menaruh kasihan terhadap perempuan tua itu. Malah dia dicerca. Mereka menggelarkannya bunsian atau 'celaka'. Sungguhpun begitu, perempuan tua itu tetap bersabar. Dia mengambil beberapa pelepah kelapa tua dan membina pondok kecil tidak jauh dari rumah

panjang tersebut.

Suatu hari, penduduk kampung itu mengadakan temasya selama tujuh hari dan tujuh malam. Pelbagai persempahan diadakan. Berbakul-bakul juadah dan bertajau-tajau tuak disediakan. Berpuluhan-puluhan lembu ditumbangkan.

Perempuan tua itu teringin menyertai temasya itu. Namun apabila dia menghampiri tapak keramaian itu dia disambut dengan lontaran kulit buah-buahan oleh budak-budak yang nakal. Itulah balasan kepada tetamu yang tidak diundang.

Temasya itu berjalan dengan meriah sekali. Tepuk sorak dan paluan gong bergema ke segenap pelosok rumah panjang tersebut. Perempuan tua itu cuma melihat dan mendengar segala-galanya dari tanah.

Pada hari keenam temasya, perempuan tua itu pergi ke sungai untuk mengambil air. Ketika dia membongkok untuk mengisik air ke dalam tukil

buluhnya dia terdengar suara yang memanggil namanya. Dia terperanjat.

"Bunsian... Bunsian!" seru suara itu perlakan.

Perempuan tua itu pun menoleh mencari punca suara itu. Alangkah terkejutnya perempuan tua itu apabila melihat seekor binatang yang berkepala seperti kepala kuda timbul dari dalam sungai itu.

"Jangan takut," kata binatang itu.

Perempuan tua itu tidak dapat bergerak oleh kerana terlalu takut.

"Bunsian, baliklah ke rumahmu cepat-cepat. Bawa kesemua barang kamu dan tinggalkan tempat ini."

Bunsian cuba untuk membuka mulutnya untuk bertanya sesuatu kepada binatang itu, tetapi belum sempat dia berkata apa-apa, binatang itu segera menegaskan, "Jangan bertanya apa-apa. Tinggalkan sahaja tempat ini dan biarkan penduduk di sini menghadapi nasib mereka. Pergilah dengan segera."

Bunsian pun balik ke pondoknya dan membawa barang-barang yang sempat dibawanya. Dia masih sempat menoleh ke arah rumah panjang yang masih

hinggar-binggar itu. Belum pun sempat Bunsian meninggalkan kampung itu, hujan ribut mula turun dengan ganasnya. Bunyi gelak ketawa dari rumah panjang itu ditenggelami oleh bunyi guruh dan angin. Bunsian mempercepat langkahnya.

Mereka yang leka bersuka ria di rumah panjang itu tidak sedar akan ribut taufan yang menggilai itu. Mereka masih seronok menari dan bergelak ketawa. Mereka tidak sedar bahawa atap rumah mereka sudah berterbangan dibawa angin, dan tanah di sekeliling rumah itu sudah becak, berlumpur. Rumah panjang mereka itu perlahan-lahan ditenggelami lumpur. Sesetengah orang mengatakan bunyi gong dan gelak ketawa itu masih kedengaran ketika rumah itu telah ditenggelami lumpur ke paras rabung.

Apabila akhirnya ribut reda, sebuah danau yang panjang dan dalam kelihatan di tempat terletaknya sebuah rumah panjang dahulu. Beberapa tahun kemudian, orang telah berjumpa sebuah lesung yang timbul di danau itu, menandakan bahawa di situ dulu terdapat sebuah perkampungan.

KOTA KINABALU


Setelah merdeka melalui Malaysia pada tahun 1963, kerajaan Sabah telah berusaha menukar kan nama-nama tempat, jalan, lorong, bangunan dan sebagainya, yang dikaitkan dengan zaman penjajahan. Salah satu daripada nama yang ditukar ialah nama bandar Jesselton, ibu negeri dan pusat pemerintahan Sabah. Jesselton ditukar kepada Kota Kinabalu, mengambil sempena Gunung Kinabalu, gunung yang tertinggi di Asia Tenggara. Penukaran nama ini bersesuaian dengan aspirasi sebuah negeri yang berdaulat. Pertukaran nama itu berkuatkuasa pada 22 Disember 1967 sesudah usulnya diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sabah.

Apabila pusat pentadbiran Kompeni Berpiagam (Chartered Company) di Pulau Gaya musnah dibakar oleh Paduka Mat Salleh dalam tahun 1897, pihak

Kompeni berusaha untuk mencari tapak baru bagi menggantikan tapak bandar yang telah musnah itu. Tugas ini diserahkan kepada seorang pegawai Kompeni yang bernama Charles Jessel. Beliau telah mengenal pasti satu kawasan pesisir pantai Singgah Mata di Teluk Sepanggar yang terletak di seberang Pulau Gaya sebagai tempat gantian itu.

Pokok api-api atau gelang tumbuh dengan subur di kawasan pantai di situ. Daripada hakikat ini, bandar yang baru dibangunkan itu dinamakan Api-Api. Nama itu kekal untuk beberapa tahun. Api-Api berkembang maju dan berpotensi pula untuk dijadikan ibu kota dan pusat pemerintahan. Kemudian namanya telah ditukar menjadi Jessel Town mengambil sempena nama Sir Charles Jessel, orang yang mengenal pasti dan membuka bandar ini.

'Jessel Town' kekal untuk beberapa tahun



Gunung Kinabalu tersergam indah.

sebelum disingkatkan kepada 'Jesselton'. Penyingkatan demikian sesuatu yang lazim, seperti yang berlaku pada Galveston dan Charleston di Amerika Syarikat. 'Jesselton' juga kekal untuk sekian lama hingga diubah kepada 'Kota Kinabalu'.

Kota Kinabalu yang bermula dari sebuah kawasan pesisiran pantai yang

diliputi belukar telah berkembang menjadi sebuah bandar yang sibuk. Selain daripada kedudukan pelabuhannya yang baik kerana dilindungi oleh Pulau Gaya, Kota Kinabalu juga mempunyai sebuah lapangan terbang yang bertaraf antarabangsa.

LABUAN

Pulau Labuan dipisahkan daripada tanah besar Borneo oleh sebuah selat dengan jarak terdekat di antaranya kira-kira lapan kilometer. Kedudukan Labuan di pantai barat Borneo sangat strategik kerana jaraknya yang dekat dengan Sabah, Sarawak (Bahagian Limbang) dan Negara Brunei Darussalam. Hal ini telah disedari oleh Sultan Brunei sejak dahulu lagi.

Alexander Dalrymple dikatakan orang yang kembali menghidupkan minat British terhadap kawasan kepulauan Sulu dan utara Borneo. Dia membuka sebuah kilang Syarikat Hindia Timur di Pulau Balambangan yang terletak bersebelahan dengan Pulau Banggi di utara Sabah. Akan tetapi, kilang itu telah diserang oleh lanun pada tahun 1775. Orang British di situ yang diketuai John Herbert lari ke sebuah pulau besar berhampiran dengan Brunei. Di Brunei, pulau itu disebut sebagai

'labuhan', kerana pulau itu dijadikan tempat persinggahan nelayan dan kadangkala pelayar, pedagang dan lanun. Sultan Brunei bersedia memberikan pulau 'labuhan' kepada syarikat British itu. Walau bagaimanapun, tawaran baginda telah ditolak.

Pada tahun 1803, Labuan (ejaan rumi orang Inggeris daripada sebutan Melayu labuhan) sekali lagi dibincangkan dengan tujuan menjadikannya pangkalan syarikat British itu. Kali ini juga minat terhadap Labuan tidak ketara. Syarikat itu tidak mahu bertapak di Labuan kerana khawatir perkara yang berlaku kepada Francis Light di Kedah sebelum itu akan berulang. Di Kedah, Francis Light dikehendaki memberi bantuan ketenteraan kepada sultan. Sebaliknya, Syarikat Hindia Timur mengambil keputusan untuk bertapak di Brunei sendiri.

Labuan tidak menjadi



Suatu masa dahulu , Pulau Labuan menjadi tempat persinggahan lanun.

milik British hingga lebih 40 tahun kemudian. Penyerahan Labuan itu hampir dengan cara paksa selepas Raja Brooke, Laksamana Cochrane dan Kapten Mindy campur tangan untuk menyelesaikan masalah perebutan kuasa dan ketenteraman wilayah takluk Brunei. Dalam Disember 1846, Kapten Mindy tiba di Brunei lagi untuk membincangkan perhubungan British dengan Brunei dan tentang penyerahan Pulau Labuan. Sultan Brunei tiada pilihan kecuali menandatangani perjanjian yang dikehendaki oleh Kapten Mindy. Pada 24 Disember 1846, Pulau Labuan secara rasmi

menjadi wilayah takluk British. Di bawah pemerintahan British, Pulau Labuan dikenali dengan nama Victoria Island, sempena nama Ratu Victoria.

Dengan pengunduran British dan pembentukan Malaysia, nama 'Labuan' kembali digunakan. Pada 16 April 1984, Pulau Labuan telah diisyiharkan sebagai sebahagian daripada Wilayah Persekutuan. Harapan di sebalik perisytiharan itu ialah supaya Labuan dapat memanfaatkan kedudukannya yang strategik, seperti yang dianggap oleh British, untuk menerajui kemajuan di daratan besar Pulau Borneo yang berhampiran dengannya.

PANTAI TINAGAT

Pantai Tinagat menghadap Laut Sulu bagaikan sebuah benteng. Pantai yang terletak kira-kira lima belas kilometer dari bandar Tawau ini dijaga dengan cukup rapi. Penduduk di kawasan ini bergantung hidup pada laut.

Kisah tempat ini bermula dengan tujuh bersaudara daripada suku Tidong yang berasal dari Sungai Sibuku, Kalimantan. Mereka sering datang ke tempat ini untuk mencari damar dan rotan.

Suatu hari, ketika mereka mencari damar, seorang daripada mereka yang bernama Aki Bitau sesat di dalam hutan. Puas dia dicari namun tidak juga dijumpai. Akhirnya keenam-enam orang saudaranya pun pulang ke Sungai Sibuku dengan perasaan hampa.

Aki Bitau yang tersesat itu berusaha mencari jalan pulang tetapi usahanya sia-sia sahaja. Ketika Aki Bitau meredah hutan tanpa arah itu dia

terdengar suara perempuan bergurau senda. Aki Bitau berasa hairan. Suara perempuan di tengah-tengah hutan? Dia mencari sumber suara itu untuk mendapatkan kepastian.

Dari celah-celah pokok, Aki Bitau melihat tujuh orang puteri sedang bergurau senda sambil bermandi-manda di sebuah perigi. Aki Bitau mendekati mereka dan mencari tempat persembunyian. Mereka tidak menyedari kehadiran Aki Bitau.

Setelah puas mandi, puteri-puteri itu mengenakan kain layang mereka, kecuali puteri bongsu. Kain layang puteri bongsu telah hilang. Puteri bongsu menangis kerana tanpa kain layang itu dia tidak dapat pulang ke kayangan. Kakak-kakaknya memujuk puteri bongsu supaya jangan menangis. Mereka berusaha untuk membantu puteri bongsu terbang bersama-sama tetapi gagal. Akhirnya keenam-enam saudara itu pun

terbang ke kayangan meninggalkan puteri bongsu keseorangan.

Sebenarnya kain puteri bongsu itu tidak hilang tetapi telah dicuri oleh Aki Bitau yang terpesona dengan kecantikan puteri itu. Puteri bongsu terus menangis di tepi perigi mengenangkan nasibnya yang malang itu. Akhirnya Aki Bitau keluar dari tempat persembunyiannya lalu menghampiri puteri bongsu.

"Mengapa tuan puteri menangis seorang diri di tengah-tengah hutan begini?" tanya Aki Bitau yang berpura-pura tidak tahu.

"Sebenarnya hamba datang dari kayangan bersama saudara-saudara hamba yang tua untuk bermandi-manda di perigi ini. Ketika hendak pulang, kain layang hamba telah hilang. Jadi hamba terpaksa tinggal di sini," cerita puteri bongsu dengan air mata yang

berlinangan.

Aki Bitau yang telah jatuh cinta kepada puteri bongsu itu berasa gembira. Dia mengajak puteri itu pulang dan berkahwin dengannya. Puteri bongsu bersetuju menjadi isteri Aki Bitau tetapi dengan syarat dia tidak boleh disuruh mengirau (perkataan Tidong yang bermaksud menari). Setelah Aki Bitau berjanji akan memenuhi syarat itu mereka pun pulang ke Sungai Sibuk.

Rumah tangga mereka aman dan damai. Kecantikan puteri bongsu menjadi bualan orang kampung.

Suatu hari, pasangan suami isteri itu menghadiri suatu majlis perkahwinan. Semua tetamu majlis itu berpesta dan menari. Puteri bongsu dijemput untuk mengirau tetapi dia enggan kerana takut melanggar sumpah. Namun, oleh kerana desakan kuat daripada suaminya,



Aki Bitau mengejar isterinya yang sedang terbang sambil mengendong anak mereka.

akhirnya puteri bongsu bersetuju juga untuk mengirau. Sebagai perlindungan, dia mengenakan kain layangnya. Setelah mencium anaknya, puteri bongsu mulai mengirau.

Aki Bitau terlupa akan sumpahan bahawa isterinya tidak boleh menari, apatah lagi mengirau dengan asyik sekali. Sedikit demi sedikit, tubuh puteri bongsu menjadi semakin ringan dan mula terapung naik ke udara.

Setelah puteri bongsu hampir mencapai bumbung rumah, barulah Aki Bitau menyedari bahawa isterinya telah melanggar sumpah. Dengan mengendong anaknya, Aki Bitau merayu isterinya supaya turun. Akan tetapi, puteri bongsu tidak boleh turun lagi. Aki Bitau mengikut ke mana-mana puteri bongsu terbang. Puteri bongsu menangis kerana tidak dapat berbuat apa-apa. Dari Sungai Sibuku, puteri bongsu terbang ke perigi tempat dia mandi dahulu. Aki Bitau terus mengejar isterinya itu.

Ketika sampai di hutan tempat orang mencari damar, Aki Bitau menebang mana-mana pokok yang menghalang penglihatannya. Oleh kerana Aki Bitau terus menebang setiap pokok yang berada di laluananya maka tempat itu dinamakan Tinagat yang bermaksud 'tebang' dalam bahasa Tidong.

Puteri bongsu kemudian singgah di

atas sebuah batu di puncak bukit sambil memandang anaknya. Aki Bitau terus memujuknya. Aki Bitau menebang batu tempat puteri itu berdiri sehingga batu itu berbentuk seperti payung.

Puteri bongsu terbang lagi menuju ke pantai. Di pantai dia singgah lagi di atas batu sambil menangis kerana terlalu sayang kepada suami dan anaknya. Aki Bitau terus merayu dan memujuk isterinya sambil menebang batu tempat puteri bongsu berdiri. Sebelum batu itu tumbang puteri bongsu bersetuju mengikuti suaminya pulang.

Puteri bongsu akan pulang tetapi bukanlah pulang dengan jasad manusia tetapi sebagai dulun (ombak). Demi cinta, Aki Bitau, puteri bongsu dan anak mereka terjun ke laut dan menjelma sebagai ombak dan mereka pulang ke Sungai Sibuku. Menurut cerita orang tua-tua, hingga kini ombak jelmaan puteri bongsu, Aki Bitau dan anak mereka masih terdapat di Sungai Sibuku.

Ombak itu kini sudah bertambah menjadi tujuh kerana keronnya puteri bongsu dan Aki Bitau masih hidup dengan aman damai dan mereka dikurniakan lima anak. Batu payung juga masih kekal di atas bukit. Malah di sisinya terdapat anak batu payung yang semakin membesar. Payung-payung itu semakin mengembang.

PEKAN TIBABAR

Pekan Tibabar ialah sebuah perkampungan suku Dusun dan suku Kadazan. Kampung ini terletak di daerah Tambunan. Menurut cerita, nama kampung ini lahir daripada perkataan tempatan sempena nama pokok iaitu pokok kayu

bakar. Ketika mendapat penghuninya yang pertama, kawasan itu dilitupi dengan beberapa banyak pokok kayu bakar. Kini kampung ini sering dikaitkan dengan pemberontakan pahlawan Mat Salleh.



Pada masa dahulu, banyak kayu bakau tumbuh di kampung ini.

SANDAKAN

Pengembara Scotland dan Jerman mengangkat kotak yang berisi senapang dan peluru.

Residensi Sandakan ialah bahagian yang terbesar di Sabah. Bandar Sandakan pula bandar yang kedua terbesar dan terpenting di negeri ini. Sejarah kawasan Sandakan dan pantai timur Sabah banyak berkaitan dengan kesultanan Melayu Sulu yang suatu ketika dahulu bersaing hebat dengan kesultanan Melayu Brunei di pantai barat laut Borneo.

Pada 21 Jun 1879, William Pryer mengasaskan

sebuah bandar baru iaitu Elopura di Bull Sim Sim. Sebelum tarikh itu, tercatat bahawa seorang pengembara dari Scotland beserta beberapa orang Jerman telah ditugaskan oleh Sultan Sulu untuk menghantar senapang dan peluru dari satu penempatan orang Eropah yang dikenali sebagai Kampung Jerman. Kampung itu berdekatan dengan pelabuhan Sandakan.

Sandakan dipercayai suatu nama dalam bahasa Sulu yang kemungkinan besar lahir daripada perkataan 'sandarkan'. Maksudnya, tempat itu telah dipajakkan kepada orang Eropah sebagai pembalasan bagi sesuatu benda, kerja atau janji.

Orang yang menganjurkan nama 'Sandakan' itu ialah, Cowie, pegawai Kompeni Borneo Utara.



SARAWAK BUMI KENYALANG

Sarawak adalah negeri yang terbesar di Malaysia dengan keluasan 124 967 kilometer persegi. Puncak tertinggi di Sarawak ialah Gunung Murud yang menjulang ke paras 2,423 meter. Sungai Rajang, sungai utama di negeri ini, juga sungai yang terpanjang di Malaysia.

Negeri Sarawak kini terbahagi kepada sembilan bahagian. Setiap bahagian dikenali dengan nama bandar pentadbirannya. Bahagian-bahagian itu ialah Kuching, Samarahan, Sri Aman, Sarakei, Sibu, Kapit, Bintulu, Miri dan Limbang. Bahagian Kapit di pedalaman negeri adalah bahagian yang terbesar.

Di pedalaman Bahagian Miri, terdapat Gunung Mulu, sebuah gunung yang sangat cantik jika dilihat dari udara. Di gunung ini terdapat beberapa buah gua, termasuk Sarawak Chamber, gua semula jadi yang terbesar di dunia.

Di Gua Niah, Miri, terdapat kesan manusia yang dianggarkan hidup lebih 40 000 tahun lalu. Kesan itu dianggap kesan yang tertua di Asia Tenggara. Ekskavasi di Gua Niah bermula pada tahun 1948. Kini terdapat sepuluh tapak ekskavasi di sini. Bahan-bahan arkeologi yang dijumpai di Gua Niah termasuk tengkorak dan tulang manusia, bekas perkuburan, kapak dan alat pemukul yang diperbuat daripada batu.

Sarawak menjadi wilayah di bawah kekuasaan sultan Brunei selepas kejatuhan empayar Majapahit di Jawa dalam abad kelima belas.

Kawasan di sepanjang pantai dari Tanjung Datu (Sarawak) ke Teluk Marudu (timur laut Sabah). Ketika itu, kawasan ke timur dan selatan Teluk Marudu berada di bawah kekuasaan sultan Sulu.

Pada awal abad kesembilan belas, kesultanan Brunei berada dalam keadaan kucar-kacir. Pada tahun 1836,

orang Bidayuh dan orang Melayu dengan diketuai oleh Datu Patinggi Ali memberontak untuk membebaskan Sarawak daripada kekuasaan Brunei. Gabenor Sarawak, Pangeran Mahkota gagal mematahkan pemberontakan itu. Untuk mengawal keadaan, Sultan Omar Ali Shaiffudin menghantar bapa saudaranya, Pangeran Muda Hashim ke Sarawak. Pangeran Mahkota tidak dipanggil balik ke Brunei. Hal ini menimbulkan kekecohan tentang siapa yang kini sebenarnya berkuasa di Sarawak. Walau bagaimanapun, Pangeran Muda Hashim juga gagal mematahkan pemberontakan. Peristiwa ini membuka peluang kepada James Brooke untuk campur tangan dalam hal ehwal Sarawak.

James Brooke dilahirkan pada 29 April 1803 di India, tempat bapanya bertugas. Bapanya, Thomas Brooke, adalah pegawai kerajaan British yang kemudian dilantik menjadi hakim Mahkamah Tinggi. Ketika berumur dua belas tahun, James Brooke dihantar ke England untuk bersekolah di Norwich Grammar School. James Brooke tidak menamatkan persekolahannya. Dia lari dari sekolah dan enggan diterima belajar semula oleh guru besarnya. James Brooke pulang ke India dan menyertai pasukan tentera Syarikat Hindia Timur Inggeris dalam Perang Burma (1824-1826). Dia tercedera dan dihantar pulang ke England untuk menerima rawatan dan untuk berehat. Dia kembali ke India pada tahun 1829, tetapi ketibaannya itu melebihi tempoh cuti yang diberikan kepadanya. James Brooke meletakkan jawatannya untuk mengelakkan hukuman.

Selaras itu James Brooke

mengambil keputusan untuk belayar ke China. Timur Jauh telah sekian lama meruntun imaginasi.

Dalam pelayarannya yang pertama itu James Brooke telah memerhatikan bagaimana kumpulan-kumpulan lanun bermaharajalela di laut timur. Pada tahun 1834, setahun sebelum bapanya meninggal dunia, sekali lagi James Brooke belayar ke Timur Jauh.

Dengan menggunakan sebahagian besar daripada harta peninggalan bapanya, James Brooke membeli sebuah kapal kecil dan melengkapannya dengan senjata dan ahli pelayaran yang cekap. Untuk pelayaran yang ketiga, dia bercadang untuk mengembara ke kawasan Sulawesi dan Borneo. James Brooke tiba di Singapura pada tahun 1839.

Di Singapura, Brooke bersetuju untuk menghantar hadiah daripada Dewan Perdagangan Singapura kepada Pangeran Muda Hashim di Kuching. Pangeran Muda Hashim telah menyelamatkan sebuah kapal Singapura yang diserang lanun di perairan Sarawak. Brooke menyampaikan hadiah itu pada 15 Ogos 1839. Itulah permulaan persahabatan antara Brooke dan Pangeran Muda Hashim. Setelah mereka berkenalan, Brooke meneruskan pelayarannya ke Sulawesi tetapi setelah mengalami beberapa masalah, dia kembali ke Sarawak setahun kemudian.

Pangeran Muda Hashim berada di Sarawak untuk mematahkan pemberontakan. Menjelang kepulangan Brooke, pemberontakan di Sarawak masih belum dapat dipatahkan. Pangeran Muda Hashim meminta pertolongan Brooke dan menawarkan jawatan gabenor kepadanya sebagai

balasan. Dengan menggunakan diplomasi dan kekuatan ketenteraan, Brooke berjaya mengawal keadaan di Sarawak serta memenangi kepercayaan masyarakat Dayak. Pada 18 September 1841, James Brooke dilantik sebagai Raja Sarawak. Ketika itu kawasan yang dirujuk sebagai Sarawak cuma kawasan dari Tanjung Datu ke Sungai Sadong.

James Brooke mewariskan takhta Sarawak kepada anak saudaranya, Charles. Charles Brooke ditabalkan sebagai Raja Sarawak yang kedua pada tahun 1868. Di bawah pemerintahannya, wilayah Sarawak diperluas dan kemudian dibahagikan kepada lima bahagian. Bahagian-bahagian itu kekal hingga ke tahun 1970-an.

Charles Brooke disusuli oleh anaknya, Charles Vyner Brooke yang ditabalkan sebagai raja pada 24 Mei 1917. Pada 1 Julai 1946, iaitu selepas tempoh pendudukan Jepun, Sarawak dijadikan Tanah Jajahan British. Suruhanjaya British yang diketuai Lord Cobbold melawat Sarawak pada Februari 1962 untuk mengkaji sambutan penduduk tempatan terhadap gagasan Malaysia. Sarawak merdeka melalui Malaysia pada 16 September 1963.

Nama Sarawak, yang dieja Cerava, wujud dalam bahan-bahan bertulis sejak awal abad keenam belas. Walau bagaimanapun, asal nama Sarawak masih samar-samar. Ada penduduk negeri ini yang percaya bahawa nama Sarawak berasal daripada ungkapan 'serah kepada awak'. Kononnya nama itu wujud setelah Pangeran Muda Hashim menyerahkan sebahagian daripada wilayah sultan Brunei itu

kepada James Brooke dalam tahun 1841. Jika benar begini cara munculnya nama Sarawak maka Cerava semestinya merujuk kepada suatu tempat lain.

Sesetengah orang pula berpendapat nama negeri ini lahir daripada perkataan 'serawak'. Serawak ialah sejenis bijih yang mengandungi belerang dan antimoni. Tidak diketahui bilakah serawak pertama kali ditemui di Sarawak, tetapi galian itu cuma diusahakan secara bersungguh-sungguh pada sekitar 1820-an.

Seterusnya, ada pihak yang percaya bahawa kelahiran nama negeri ini menyusul kelahiran nama 'Sungai Sarawak'. Negeri Sarawak didatangi oleh para pedagang dari tanah asing lebih 1,200 tahun yang lalu. Para pedagang dari Tanah Arab, India dan China datang ke Sarawak dengan membawa barang seperti tembikar, sutera, perkakas logam dan bermacam-macam lagi. Daripada Sarawak, mereka memperoleh barang-barang seperti sumbu badak, telur penyu, kapur barus, sarang burung dan pelbagai hasil hutan yang lain.

Di kawasan muara Sungai Sarawak, terdapat kawasan-kawasan perdagangan yang aktif hingga ke abad ketiga belas. Menjelang zaman itu agama Islam sudah mula masuk ke Sarawak. Selepas itu, asas kuasa pemerintahan telah berpindah ke Brunei. Sehingga waktu itu nama 'Sarawak' dikatakan hanya wujud sebagai nama sungai. Akan tetapi, suatu hakikat yang menarik ialah betapa kerapnya nama Sarawak itu digunakan untuk memaksudkan bandar Kuching, bandar yang terletak di tebing Sungai Sarawak.

BAU

“... pada akhirnya mereka pulang ke rumah mereka dengan rasa puas hati dan bersyukur atas hasil kerja keras mereka.”

“... mengingat peristiwa ini, dia berjaya mengelakkan diri dari kesusahan yang sama di masa depan.”

Bau terletak kira-kira 35 kilometer dari bandar raya Kuching. Daerah Bau dikenali sebagai ‘Daerah Emas’ kerana suatu masa dahulu di kawasan ini terdapat industri perlombongan emas yang terbesar di Malaysia.

Dalam bahasa Iban, ‘bau’ membawa dua makna: pertama, bahu atau mengandar; dan kedua, bau yang boleh dihidu. Berpandukan satu cerita, nama bandar Bau timbul daripada makna yang kedua.

Hutan itu berbau busuk hingga tidak ada binatang yang tinggal untuk diburu.

Hutan di kawasan Bau dahulu merupakan suatu tempat perburuan yang kaya dengan pelbagai jenis binatang. Suatu hari, sekumpulan orang tempatan pergi berburu di situ. Malangnya apabila mereka sampai di situ tidak ada seekor binatang pun yang ditemui. Sebaliknya mereka terhidu suatu bau yang sangat busuk. Mereka tahu bahawa bau itu bau bangkai binatang. Dan, mereka yakin bahawa binatang itu mangsa pemburu yang mendahului mereka. Oleh kerana tidak tahan menghidu bau bangkai itu mereka pergi ke kawasan lain. Anehnya, sebaik-baik sahaja bau itu tidak terhidu, mereka segera mengesan binatang buruan.

Dari pada peristiwa itu mereka merumuskan



bahawa semua binatang yang terhidu bau bangkai binatang yang mati kerana diburu manusia akan lari ke tempat lain. Binatang hutan jarang yang mati kerana tua. Dan, setiap binatang yang menjadi mangsa binatang lain pula pasti dimakan hingga habis. Tiada sisa daging yang tertinggal yang menyebabkannya berbau selepas beberapa hari ditinggalkan. Hanya manusia yang kadangkala tidak menemui binatang buruannya, setelah binatang itu sudah terkena racun panah atau sumpitannya.

Apabila cerita tentang bau bangkai itu tersebar, orang ramai mula merujuk kepada hutan di situ sebagai hutan bau. Pekan yang kemudian membangun di situ juga dipanggil Bau. Walau bagaimanapun, di kalangan masyarakat Cina suku Hakka, pekan ini sering disebut sebagai Shak Leong Mun (Pintu Naga Batu). Nama itu dipercayai berkaitan dengan tempat pemujaan pendatang Cina yang terawal ke situ.

Tasik Biru, Fairy Cave di Bukit Kapor dan Gua Angin di Taiton adalah tiga tempat yang tidak dapat dipisahkan daripada Bau. Tasik Biru yang terletak kira-kira satu kilometer dari pusat pekan Bau adalah bekas kawasan perlombongan emas dan antimoni yang terbesar di Sarawak. Kawasan itu kini menjadi sebuah taman rekreasi yang masyhur, yang dirasmikan oleh Raja Perlis pada 25 September 1984. Kebiruan airnya dapat memukau mata yang memandangnya.

Tasik Biru dipercayai 'keras' dan berpuaka. Oleh itu pengunjung ke Tasik Biru harus berkelakuan baik dan menghormati pantang larang tertentu. Satu kejadian tanah runtuh yang berlaku di sini telah mengorbankan beratus-ratus

nyawa pekerja lombong. Selain itu, ada juga pekerja lombong yang mati secara aneh. Ada yang mati cuma kerana tangannya terhantuk pada batu, ada yang mati sewaktu minum pada masa rehat dan ada yang mati lemas di daratan!

Upacara bersemah iaitu memberi makan kepada penunggu Tasik Biru sering diadakan pada tahun 1960-an. Pada peringkat awal, kepala manusia pernah dijadikan bahan persembahan kepada penunggu itu. Akan tetapi, kini cuma kepala kambing yang digunakan.

Menurut cerita, sebelum lombong emas dibuka, kawasan Tasik Biru adalah tempat makam seorang wali yang dikatakan berasal dari Indonesia. Wali itu bernama Panglima Syed Adi Pendeta. Pencerobohan makamnya itulah yang dipercayai punca puaka di situ. Kononnya, suatu hari Panglima Syed Adi Pendeta menjelma sebagai buaya putih dan mendakwa dirinya penunggu Tasik Biru. Bermula dari hari itulah seekor kambing dikorbankan setiap tahun. Buaya putih itu muncul di tengah-tengah tasik, biasanya pada waktu subuh atau tengah malam.

Pada 23 Februari 1987, tersebar lagi cerita tentang penduduk di pekan Bau melihat 'makhluk ganjal' yang muncul di tengah-tengah ketenangan Tasik Biru. Makhluk ganjal itu dipercayai pembawa malapetaka kepada pekan tersebut. Dalam kejadian pertama, makhluk ganjal itu muncul perlahan-lahan di permukaan air dan kemudian nampak seperti menyembur air. Dalam kejadian kedua, makhluk itu kelihatan seperti ular berwarna hitam. Makhluk itu berenang di permukaan air. Air telah bergolak apabila makhluk itu bergerak laju.

Selepas kejadian misteri itu, pelbagai andaian dikemukakan. Ada yang mengaitkan penjelmaan itu dengan tragedi pada tahun 1979. Dalam peristiwa itu, 29 pelajar dan seorang guru mati lemas apabila bas sekolah yang dinaiki mereka dengan tidak semena-mena jatuh ke dalam tasik itu. Seterusnya, ada ahli keluarga mangsa tragedi itu yang menjadi tidak siuman.

Ada orang yang mengaitkan tragedi itu dengan legenda tujuh ekor ikan yang panjangnya kira-kira lima kaki dan lebarnya kira-kira tiga kaki. Entah mengapa, ikan-ikan itu muncul pada

tahun 1979 lalu meragut nyawa penumpang bas tersebut. Itulah kali terakhir ikan-ikan itu timbul.

Dalam satu kejadian lain, tasik itu telah meragut nyawa seorang pemuda yang pandai berenang dan cekap menyelam. Pemuda itu menyelam, di bahagian tasik yang tenang dan tidak dalam airnya. Dengan sekali menyelam, pemuda itu tidak timbul-timbul lagi.

Pekan Bau sendiri telah beberapa kali mengalami malapetaka seperti banjir besar dan kebakaran. Dalam satu tragedi, pernah pekan Bau musnah sama sekali kerana dimakan api.

KAMPUNG BINTAWA

Kampung Bintawa terletak di penghujung kawasan Seberang Hilir, Petra Jaya dan termasuk di dalam kawasan pentadbiran Suruhanjaya Bandar raya Kuching Utara. Deretan rumah Melayu dan Melanau di Bintawa dapat dilihat dari Kuching Selatan di seberang sungai.

Nama Bintawa diambil daripada nama pokok, pokok bintawak. Dahulu

Bintawa dikenali dengan nama lain, iaitu Kampung Baru. Kemudian nama itu ditukarkan pula kepada Kampung Pindah, kerana hampir semua penduduk di situ berpindah dari Kuching. Mereka berpindah dari muara Sungai Padungan apabila berlaku perselisihan faham di antara kaum Melayu dan kaum Cina, sebelum kedatangan Jepun dahulu.

Ramai orang Melayu tinggal di Kampung Bintawa.



BINTULU

Kalau dahulu, bandar Bintulu terkenal dengan keenakan belacannya, kini bandar ini masyhur kerana projek gas cecair asli. Kompleks gas cecair asli itu terletak di Tanjung Kidurong. Di samping itu, Bintulu juga telah dipilih sebagai lokasi kampus universiti terbaru di negara kita.

Dahulu Bintulu terletak di bawah pentadbiran Miri, tetapi kini Bintulu dan

kawasan di sekitarnya telah dijadikan satu bahagian yang berasingan. Bandar Bintulu terletak di muara Sungai Kemena. Nama Bintulu dikatakan berasal daripada perkataan tempatan metu ulau. Perkataan itu membawa maksud 'memungut kepala'. Nama itu lahir berikutan peristiwa terjatuhnya kepala manusia yang telah dipenggal ke dalam sungai, mungkin

Orang Iban suka memenggal kepala musuh.



Sungai Kemenen. Peristiwa itu berlaku pada zaman ngayau, iaitu ketika pemburuan kepala manusia masih berleluasa. Pada masa itu kawasan Kuala Sebiaw dikatakan tempat kepala manusia disalai.

Perkataan metu ulau yang dipakai oleh penduduk Bintulu kadangkala disebut mentulau oleh orang yang datang dari luar daerah tersebut. Akhirnya daripada perkataan mentulau itu terbitlah nama Bintulu.

Suku kaum yang pertama menghuni kawasan Bintulu dipercaiyai suku Segan dan suku Penan. Suku Segan kadang-kadang disebut sebagai Orang Bintulu.

Nama Berngek sangat terkenal di kalangan orang tua-tua di daerah Bintulu. Berngek adalah ketua Orang Bintulu pada suatu masa dahulu. Berngek dan pengikutnya mendiami rumah panjang 40 pintu. Di tebing kanan mudik Sungai Kemenen pula tinggal saudara Berngek yang bernama Jalab.

Suatu hari, Jalab mengadakan keraian dan menjemput Berngek dan pengikutnya. Jalab meraikan pinum selama tujuh hari tujuh malam bersama tetamunya. Dalam keraian tersebut perempuan dan lelaki dibiarkan bergaul mesra secara bebas. Pada hari ketujuh diadakan acara menumbuk padi secara berpasangan. Lesung dikendalikan oleh satu pasangan teruna dan dara. Menumbuk padi begini memerlukan rentak yang baik supaya antan tidak

berlaga.

Malang tidak berbau bagi seorang gadis dari rumah panjang Jalab. Dengan tidak disengajakan, tiba-tiba antan pasangannya terhentak kaki gadis itu. Dia rebah lalu pengsan. Keesokannya, kecederaaan itu membawa maut.

Setelah mayat gadis itu disempurnakan, keluarganya menyusun rancangan untuk membalas dendam. Mereka menyerang rumah Berngek secara mengejut. Banyak ahli rumah panjang Berngek yang mati atau luka parah. Ada pula yang lari dari situ.

Beberapa bulan selepas serangan tersebut, terjadi pula peristiwa bala tahi atau sirang tahi. Apabila mereka membuka hidangan yang tersaji didapati semuanya telah bertukar menjadi tahi. Oleh kerana tidak tahan lagi menanggung keadaan demikian, ramai yang melarikan diri. Mereka lari ke Samalajau, Kuala Silas, Sepadok, Danau, Labang dan Pandan. Orang yang lari ke Kuala Silas dan Sepadok, kembali semula menduduki kawasan bandar Bintulu sekarang.

Salah seorang pengikut Berngek yang lari itu bernama Savid. Savid menjadi ketua setelah Berngek sudah tiada. Savid mempunyai anak perempuan bernama Jelimah yang kemudian mempunyai anak bernama Rabiah. Salah seorang anak Rabiah, iaitu Galau, telah diabadikan pada nama sebatang jalan di Bintulu - Jalan Abang Galau.

GEDONG

Orang Gedong menarik harta karun.

Gedong ialah sebuah perkampungan Melayu yang terletak di daerah Simunjan, Bahagian Samarahan. Gedong mendapat namanya mungkin kerana di situ tertanam beberapa banyak harta karun dan barang seramik (tembikar) lama. Khazanah rahsia ini bolehlah diibaratkan sebagai sebuah 'gedung'. Malah sekali-sekala penduduk di sini masih menemui barang lama tatkala turun ke sungai untuk menjala dan

sebagainya. Atau pun, mungkin dahulunya di sini terdapat gedung perniagaan.

Pakar-pakar kaji purba Muzium Sarawak pada tahun 1967-9 telah menjumpai seramik Dinasti Tang dan Dinasti Sung serta sebuah tajau purba yang dipercayai dihasilkan pada abad ketujuh atau ketiga belas. Padang bola sepak di kampung ini sekarang merupakan tapak penggalian pengkaji barang purba tersebut. Barang seramik,



tempayan dan tajau purba yang ditemui di situ dapat dilihat di Muzium Sarawak, di Kuching.

Menurut sejarah, kawasan Gedong pada mulanya dihuni oleh suku kaum Melanau dan orang Melayu. Pada masa itu Gedong juga tempat tinggal Datu Patinggi, gabenor Sadong yang mewakili Sultan Brunei. Salah satu tugas Datu Patinggi ialah memungut cukai daripada orang Melanau, Melayu, Iban dan Bidayuh. Akan tetapi, pentadbiran Sadong itu kurang amanah, menyebabkan gabenor dan keraninya dibunuh oleh penduduk tempatan.

Sesetengah orang tua di Gedong masih ingat akan sejarah dan kisah-kisah lama, termasuk serangan puak Iban Saribas dan Skrang ke atas kampung-kampung Melayu dan Bidayuh di situ. Serangan orang Iban itu berakhir apabila Sadong dicantumkan dengan Sarawak oleh raja Sarawak ketika itu.

Suatu ketika dahulu, Gedong gempar dengan berita penangkapan 'Bujang Sudin' iaitu buaya yang mengganas di sepanjang Batang Sadong.

Penduduk Gedong juga tidak dapat melupakan pengaruh bungin atau sebidang tanah yang menganjur dari tebing Batang Sadong dan bertemu dengan Sungai Skrang. Mereka percaya bahawa bungin itu keramat dan bertuah. Kerana itu bungin tersebut memainkan peranan yang besar dalam kehidupan

masyarakat di situ.

Ada yang percaya bahawa bungin itu mempunyai penunggu iaitu seekor ular kecil bergelar takmas. Apabila ular tersebut kelihatan di bungin, orang kampung tersebut pasti berada dalam keadaan aman sentosa. Akan tetapi, sekiranya ular tersebut tidak kelihatan, bencana pasti melanda Gedong.

Bungin itu juga dijadikan tempat memohon restu oleh sesetengah orang di situ supaya mereka selamat daripada bahanaya. Persembahan ancak disediakan untuk memberi makanan kepada penunggu. Demikian juga jika keramaian hendak diadakan. Ancak dipersembahkan agar tidak berlaku apa-apa yang tidak diingini.

Satu lagi kepercayaan mereka mengenai bungin itu adalah tentang patung emas yang mempunyai hubungan dengannya. Patung emas itu tidak pernah dijumpai orang kecuali dalam mimpi sahaja. Kononnya patung itu tidak dapat dijumpai dan tidak boleh dicari-cari kerana perbuatan seperti itu akan menyebabkan timbulnya keadaan huru-hara di kalangan penduduk kampung. Oleh kerana itu hingga kini penduduk di situ tidak pernah mencari atau terjumpa patung tersebut. Menurut mimpi satu orang tua, patung itu telah pun berpindah ke sebuah kolam yang kononnya berada di bawah bungin tersebut.

GUNUNG MURUD

Gunung Murud ialah gunung yang tertinggi di Sarawak, dengan ketinggian 2,423 meter. Gunung ini terletak di Bahagian Miri, bersempadan dengan Bahagian Limbang dan Kalimantan.

Pada zaman dahulu, Baya Kalong menjadi penghulu di sebuah rumah panjang tidak jauh dari Gunung Murud. Baya Kalong mempunyai seorang anak gadis yang jelita. Kecantikannya tidak ada tolok bandingannya pada masa itu. Nama gadis itu Kelawing.

Pada suatu hari, Tingang, seorang penghulu muda dari sebuah rumah panjang lain telah meminang anak gadis penghulu Baya Kalong itu. Kedatangan Tingang untuk meminang telah disambut dengan baik. Baya Kalong bersetuju menerima pinangan Tingang dan mula membuat persiapan untuk mengadakan majlis perkahwinan itu.

Sekembali ke rumah

panjangnya, Tingang segera memberitahu adiknya, Lawi dan sekalian anak buahnya. Lawi dan penduduk rumah panjang itu sangat gembira. Mereka mengadakan persiapan menjelang hari perkahwinan ketua mereka.

Pada hari perkahwinan diadakan, rumah panjang penghulu Baya Kalong menjadi penuh sesak. Semua penghuni rumah panjang penghulu Tingang telah berkumpul di situ. Gong dipaluh untuk memulakan majlis.

Kelawing memakai pakaian adat pengantin. Berseri-seri wajahnya. Apabila kedua-dua pengantin keluar dari bilik, semua tetamu terpesona melihat mereka. Lawi tercengang kerana tidak menyangka abangnya mendapat isteri sebegitu cantik.

Seekor ayam putih disembelih dan disapu ke tangan Tingang dan Kelawing. Upacara ini dijalankan oleh seorang



Batu turun dari langit.

lelaki tua yang mengetahui selok-belok adat perkahwinan. Tingang memegang tangan Kelawing lalu mengucupnya. Bersorak-soraih para pengunjung yang hadir di majlis itu.

Seperti yang dikehendaki oleh adat, selepas upacara itu Kelawing akan mengikut suaminya kembali ke rumah panjang Tingang di Murud. Syarat yang patut dipatuhi oleh Tingang pula ialah menuaikan permintaan bapa mentuanya. Baya Kalong telah meminta 100 buah gong, 50 buah tajau, 200 bilah parang, 50 ekor babi dan 250 ekor ayam. Permintaan tersebut sungguh besar, tetapi sebagai penghulu muda dan orang berada, Tingang terpaksa menuaikannya. Bagaimanapun, persetujuan Tingang itu telah ditentang oleh adiknya, Lawi. Lawi bukan sekadar menentang perbuatan abangnya tetapi juga berasa iri hati kerana abangnya memperoleh isteri yang cantik jelita.

Setelah selesai temasya perkahwinan itu, Tingang pun membawa Kelawing kembali ke rumah panjangnya. Tingang naik ke rumah dengan diikuti oleh isterinya. Tiba-tiba Tingang terdengar bunyi suatu benda terjatuh di

belakangnya dan ketika itu juga orang ramai menjerit ketakutan.

Alangkah terperanjatnya Tingang. Kepala Kelawing tergolek-golek di atas lantai sementara badannya masih tegak berdiri. Darah bersebur keluar daripada leher yang terpancing itu.

Tingang memeluk badan isterinya itu dengan ratap tangis. Kemudian Tingang mencapai parang dan perisai lalu melompat turun ke tanah untuk bertingkah senjata dengan adiknya. Pada ketika itu terdengarlah suara arwah bapa mereka: "Wahai anak-anaku, kamu akan menerima akibat daripada perbuatan kamu ini. Bukankah kamu telah berjanji tidak akan berbunuuh-bunuuhan di antara keluarga? Kamu telah melanggar janji kamu terhadap ayah!"

Ribut turun dengan tidak semena-mena, diikuti petir dan kilat sabung-menyalung. Bumi terbelah dan rumah panjang Tingang itu terbenam. Semua penghuni rumah itu tertimbas. Batu-batu turun dari langit menimpas tempat itu hingga menjadi gunung. Gunung Murud.

KABONG

Kabong terletak berhampiran dengan muara Sungai Kalaka, di pinggir Laut Cina Selatan, Bahagian Sri Aman. Pekan yang terdekat dengannya ialah Seratok. Sebahagian besar penduduk Kabong masih bersandarkan hasil laut sebagai sumber rezeki mereka.

Kabong 'dibuka' pada tahun 1885 sebagai kubu pertahanan Raja Brooke yang ketika itu membantu Raja Muda Hashim (wakil kerajaan Brunei) untuk

menghapuskan lanunlanun yang bermaharajalela di pesisiran pantai Sarawak serta sebagai pangkalan untuk mengawal kegiatan suku Iban yang sentiasa menyerang suku-suku yang lemah, terutama suku Seru. Kabong ketika itu dikenali sebagai Port Charles. Nama itu ditukar apabila tamat penjajahan Inggeris di Sarawak.

Sekurang-kurangnya ada dua versi tentang bagaimana Kabong

Suku Iban menyerang suku yang lemah.



memperolehi namanya. Pada zaman dahulu, penduduk di sekitar daerah berkenaan sentiasa diganggu lanun. Berikutan itu satu rundingan diadakan di antara ketua-ketua kampung terbabit untuk mencari jalan mengatasi masalah itu. Mereka bersetuju untuk bergabung tenaga menentang lanun-lanun itu. Sejak peristiwa itu kampung tersebut dipanggil 'Gabung' yang entah bagaimana telah dieja 'Kabong'.

Menurut satu cerita lain, nama Kabong lahir daripada hakikat bahawa di tempat itu terdapat banyak pokok

nipah yang seringkali disebut apong atau kabong.

Pekan Seratok pula merupakan pusat pentadbiran daerah. Nama Seratok dipercayai lahir daripada nama Segatok, seorang ketua masyarakat Seru. Malah Pejabat Daerah Seratok telah dibina di atas tanah cangkat yang disebut Munggu Segatok. Segatok lari ke situ setelah masyarakatnya terpaksa berpecah kerana gagal bertahan apabila diserang dengan hebatnya oleh suku Iban. Segatok memeluk Islam beberapa tahun sebelum dia meninggal dunia kerana tua.

KUCHING

Bandar raya Kuching adalah ibu negeri Sarawak. Di bandar ini terdapat beberapa banyak bangunan yang bersejarah dan cantik, semuanya menyerminikan kesinambungan pengalaman Kuching sebagai pusat pentadbiran dan kegiatan ekonomi negeri.

Henry Keppel, nakhoda kapal HMS Dido berjaya menumpaskan beberapa serangan lanun di perairan Borneo dalam tahun 1940-an. Catatan ekspedisi Kepel di Borneo pada tahun 1849, ada menyebut tentang sebuah tempat yang disinggahinya yang dikenali sebagai Kuching. Akan tetapi, dalam tempoh kira-kira dua puluh tahun selepas lawatannya itu, nama Kuching amat jarang digunakan. Dalam tempoh tersebut bandar Kuching dikenali sebagai 'Sarawak Proper' atau hanya 'Sarawak'.

Nama Kuching dikatakan mula digunakan

dengan meluas selepas ketibaan James Brooke pada tahun 1839. Dan, pada 12 Ogos 1872 barulah kekeliruan tentang nama-nama Kuching dan Sarawak ditamatkan. Pada hari itu, dalam satu mesyuarat Majlis Tertinggi (Supreme Council) di Kuching, Charles Brooke telah mencadangkan supaya nama Kuching digunakan untuk merujuk kepada 'bandarnya' dan nama Sarawak kepada 'wilayahnya'. Tarikh itu adalah tarikh penggunaan nama-nama itu secara rasmi. Akan tetapi, hingga sekarang masih ada orang Melanau yang menyebut bandar Kuching sebagai Sarawak.

Salasilah nama Kuching mempunyai pendapat yang pelbagai. Ada yang mengatakan nama itu berasal daripada perkataan Cochin atau pelabuhan seperti yang digunakan di India dan Indochina. Kuching pada masa dahulu merupakan tempat pertemuan para pedagang

di kawasan itu. Ada rujukan yang menyatakan bahawa dalam tahun 1939, James Brooke menyebut nama bandar ini sebagai 'Kucin' (seperti sebutan Cochin).

Pendapat yang paling popular mengaitkan nama Kuching dengan Bukit Mata Kuching yang kini berada di tengah-tengah bandar raya ini. Bukit ini pula mendapat namanya kerana banyak pokok mata kucing yang hidup liar di atasnya.

Dari Bukit Mata Kuching mengalir sebatang anak sungai. Sungai Kuching. Pendapat kedua mengatakan bahawa Kuching itu dahulu cuma nama anak sungai tersebut. Sungai itu dikambus pada tahun 1928 untuk membolehkan pembangunan di kawasan itu. Kini Sungai Kuching kelihatan tidak ubah seperti parit - di hadapan sebuah kuil Tua Pek Kong. Walau bagaimanapun, sebelum menjadi 'parit' anak sungai itu telah 'meminjamkan' namanya kepada kawasan yang berkembang di sekelilingnya. Jadi, kemungkinan besar pada masa itu Kuching cuma merujuk kepada sebahagian daripada bandar Sarawak.

Bandar Sarawak (sebelum ditukarkan namanya kepada Kuching) dikatakan 'dibuka' oleh Pangeran Mahkota. Beliau

alah pemerintah yang dilantik oleh Sultan Brunei, Sultan Omar Ali Saifuddin.

Setengah-setengah orang berpendapat kawasan penempatan di Kuching dibangunkan sebagai pengganti Kota Lingga, di tebing Batang Lutar. Kota Lingga adalah kota Melayu lama dan di kota inilah Pangeran Mahkota akhirnya tertangkap.

Di Kuching sekarang dikatakan terdapat lebih daripada 32 suku kaum, menjadikannya bandar raya yang paling kaya dengan budaya tradisional. Antara tarikan pelancong ke Kuching termasuk Muzium Sarawak yang dirasmikan pada 4 Ogos 1891. Muzium Sarawak adalah di antara muzium yang terpenting di Asia Tenggara kerana keunikan dan jumlah koleksinya.

Di Kuching juga terdapat beberapa bangunan yang cantik atau bersejarah. Kubu Margherita (1879), misalnya, adalah kubu pertahanan peninggalan British yang tercantik di Asia Tenggara. Bangunan-bangunan menarik untuk dilawati ialah Masjid Negeri (Lama), The Pavilion (1909) dan The Round Tower (1886) dan kuil Cina yang tertua di Sarawak. Kuil Tua Pek Kong (1876).

MIRI

Miri asalnya nama sebatang sungai. Pada zaman dahulu, kawasan hilir sungai ini diidami oleh cuma satu suku kaum yang dikenali sebagai suku Dale, salah satu cabang kaum Melanau. Suku Dale juga masyarakat pertama yang mendiami kawasan Niah dan Sibuti, termasuk pekan Bekenu. Mereka berpindah ke kawasan di utara Sarawak itu dari daerah Bintulu.

Suku Dale yang mendiami kawasan Sungai Miri kemudian menggelarkan diri mereka Orang Miri, sempena nama sungai itu. Ketua mereka bergelar Datu Deng. Mereka, beserta masyarakat Penan yang berpindah ke situ kemudian, sering diserang oleh suku Kayan dari kawasan pedalaman, orang Suluk dari utara Borneo dan Lanun dari Filipina.

Dalam satu serangan

orang Kayan, pertempuran sengit dikatakan berlarutan selama tiga hari. Akhirnya Datu Deng terpaksa mengaku kalah kepada pihak musuh yang lebih ramai itu. Lanjutan kekalahan itu, Orang Miri berpecah ke lima arah yang berlainan. Setengah-setengah mereka lari ke Sungai Belait di Brunei.

Orang Miri banyak terpengaruh oleh orang Melayu Brunei. Ramai yang berkahwin campur dengan mereka hingga sekarang sukar untuk ditemui orang yang berdarah Miri tulen. Orang Miri dipercayai semuanya telah memeluk agama Islam. Walau bagaimanapun, suku Dale dari kawasan Bintulu telah memeluk Islam dengan lebih awal. Ini disebabkan mereka telah banyak bergaul dengan orang Melayu Sarawak, iaitu masyarakat Melayu dari sekitar Kuching.

MUARA TEBAS

Nelayan menebas dan menebang pokok untuk dijadikan pangkalan.



Muara Tebas yang terletak kira-kira 40 kilometer dari bandar raya Kuching berpotensi dijadikan kawasan pelancongan yang terkenal bukan sahaja di Sarawak malah di luar negeri. Ini kerana perkampungan di

Kampung Gobel, Senari dan Sejingkat. Sebahagian besar penduduk di kawasan ini mencari rezeki di laut. Nama Muara Tebas timbul selepas beberapa orang nelayan menebas dan menebang di suatu kawasan di sini untuk dijadikan pangkalan bagi perahu-perahu mereka.

Muara Tebas terkenal dengan kisah nisan nibung batu, iaitu sebuah kubur lama yang bernisan satu. Nisan yang diperbuat daripada batang

pinggir Laut Cina Selatan ini mempunyai keindahan alam semula jadi, sejarah dan legendanya yang tersendiri.

Muara tebas dikelilingi oleh tiga kampung iaitu

nibung itu dikatakan bertukar menjadi batu selang beberapa hari selepas mayat si mati disemadikan. Proses pertukaran nisan itu daripada nibung kepada

batu berlangsung tanpa disedari oleh penduduk tempatan, mungkin juga pertukaran itu berlaku secara tiba-tiba. Walau bagaimanapun, kewujudan nisan batu itu dianggap luar biasa, sesuatu yang 'keramat'. Oleh yang demikian kubur itu dijaga dengan rapi.

Keramat itu dipercayai seorang pangeran pada zaman silam yang datang ke negeri Sarawak dengan tujuan berniaga atau kerana lari dari

peperangan. Kini nisan batu di kubur itu telah pecah sedikit, dipercayai akibat niat buruk salah seorang nelayan di situ. Nelayan itu memecahkan batu nisan itu kerana disangka mengandungi azimat yang boleh mendatangkan tangkapan yang banyak. Akan tetapi, malang yang menimpa nelayan itu. Perbuatannya itu nyata tidak direstui, dan sebagai balasan matanya telah buta.

KAMPUNG PINANG JAWA

Banyak pokok pinang jawa tumbuh di sini.

Kampung Pinang Jawa terletak di pinggir bandar raya Kuching. Dahulu kampung ini dikenali sebagai Kampung Gita, sempena Sungai Gita yang mengalir di situ. Penduduk asal Kampung Gita dikatakan berhijrah dari dua kampung, iaitu Kampung Pinang dan Kampung Jawa. Hal ini memberi ilham kepada kerajaan negeri untuk menukarkan nama kampung ini daripada

Kampung Gita kepada Kampung Pinang Jawa. Kebetulan pula pinang jawa memang tumbuh di kawasan kampung ini.

Penukaran nama tersebut telah diumumkan oleh Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud pada 3 Julai 1988 dalam perhimpunan Gerakan Setia Bersama Rakyat. Nama baru kampung ini berkuatkuasa pada 1 Ogos 1988.



KAMPUNG SANTUBONG

Kampung Santubong terletak kira-kira 30 kilometer ke utara bandar raya Kuching, berhampiran Kampung Buntal. Kampung Buntal terkenal sebagai tempat pembuatan belacan secara tradisional. Nama Kampung Santubong dikaitkan dengan legenda Puteri Santubong.

Legenda itu bermula dengan pengutusan dua anak dewa dari kayangan. Seorang bernama Puteri Santubong dan seorang lagi Puteri Sejenjang. Mereka diutuskan ke Bumi Kenyalang sebagai penjaga gunung.

Kecantikan paras rupa dua puteri itu tiada tolak bandingannya. Alis mata mereka lentik dan mata mereka bercahaya. Ekor mata mereka pula seperti seroja biru di kolam madu. Bibir kedua-duanya tidak pernah kering dan sentiasa merah bagaikan delima merekah. Hidung mereka mancung. Rambut mereka hitam berkilat dan beralun kecil bagai mayang mengurai. Kulit mereka

putih dan gebu. Tubuh mereka subur menawan. Leher mereka jenjang. Betis mereka bunting padi. Jejari tangan dan kaki mereka halus lembut. Pipi mereka berlesung pipit.

Suara kedua-dua puteri itu cukup merdu, seperti seruling bambu. Senyuman mereka menerangi alam.

Hubungan mereka mesra sekali. Mereka seperti adik-beradik kembar. Senyuman dan kata-kata manis sentiasa di bibir mereka. Namun mereka juga ada kelemahan.

Pekerjaan Puteri Santubong ialah menenun kain dari siang hingga malam. Puteri Sejenjang pula asyik menumbuk padi. Suatu hari, ketika bekerja mereka berbual-bual dan memuji-muji kecantikan diri masing-masing. Apabila Puteri Santubong mengangkat dirinya, Puteri Sejenjang menulikan telinganya dan terus menumbuk padi. Dia membiarkan Puteri Santubong melayan

perasaannya.

Lama-kelamaan Puteri Sejenjang mula berasa marah. Puteri Sejenjang mengatakan bahawa sebenarnya dia adalah gadis yang paling cantik dan menawan. Kecantikannya mengatasi kecantikan Puteri Santubong.

Puteri Santubong enggan mengalah. Begitu juga Puteri Sejenjang. Masing-masing mahu menang dan akhirnya berlakulah pertengkaran. Daripada perbualan bertukar menjadi pertikaman lidah. Daripada kawan menjadi lawan.

Puteri Sejenjang hilang sabar lalu menyerang Puteri Santubong dengan antan di tangannya. Pukulan Puteri Sejenjang terkena pipi Puteri Santubong yang sedang menenun kain. Puteri Santubong menjerit kesakitan. Puteri

Santubong lantas menikam Puteri Sejenjang dengan batang belidah yang berada dalam genggamannya. Puteri Sejenjang menjerit sekutu-sekutu hatinya. Berakhirlah persahabatan yang terjalin selama ini.

Tikaman Puteri Santubong itulah yang menyebabkan Bukit Sejenjang pecah bertaburan menjadi pulau-pulau kecil berhampiran Gunung Santubong. Malah Pulau Kera yang terletak berhampiran Gunung Santubong dikatakan wujud akibat daripada pergaduhan tersebut.

Jika kita mengunjungi Kampung Santubong pasti kenangan terhadap legenda ini akan nampak lebih-lebih lagi apabila melihat Gunung Santubong yang seolah-olah pecah sebelah.



Puteri Santubong menikam Puteri Sejenjang.

SEMANTAN

Santan ramuan penting dalam masakan orang Melayu.

Semantran adalah sebuah pekan kecil yang terletak di tepi pantai tidak jauh dari Tanjung Batu atau 'ekor' negeri Sarawak. Pekan Semantan wujud sejak kerajaan Brunei memerintah Sarawak kira-kira 200 tahun yang lalu. Nama pekan ini dipercayai diberi oleh orang Brunei. Nama Semantan dikatakan lahir daripada 'nyiur semantan', iaitu buah kelapa yang sudah tua dan meng-

hasilkan santan. Santan ramuan penting dalam masakan orang Melayu.

Pendapat lain mengatakan nama pekan itu lahir daripada perkataan tempatan mantan. Mantan adalah bahasa halus, puitis, untuk nyamuk! Orang yang mula-mula datang ke kawasan pekan Sematan dikatakan sukar untuk tidur kerana sentiasa diserang oleh nyamuk.

Pantai di sekitar pekan



Semantan putih memanjang. Pulau Talang-Talang di luar pantainya sering dikunjungi pelancong kerana pulau itu terkenal sebagai tempat penyu bertelur. Di samping itu, Pulau Talang-Talang juga tapak bersemah, suatu upacara tradisi masyarakat Semantan. Bersemah diadakan setiap tahun kononnya untuk memberi makan kepada hantu laut.

Sistem tukar barang yang wujud di kalangan masyarakat setempat sejak zaman kesultanan Melaka dahulu, masih lagi diamalkan di kampung-kampung di sepanjang sempadan Sarawak/Kalimantan yang berhampiran dengan Semantan. Pedagang Indonesia biasanya menukar-

kan barang-barang seperti rokok, perhiasan dinding yang diperbuat daripada siput dan perabot dengan keperluan harian mereka seperti pakaian, garam dan bahan makanan.

Beberapa buah kampung berhampiran dengan Semantan turut dinamakan oleh orang Brunei. Antaranya ialah Kampung Tembaga (Tembagas) dan Kampung Tebing Merah. Kampung Tembaga mendapat namanya apabila tembaga yang digunakan untuk menghentak sirih jatuh ke dalam sungai. Tebing Merah pula kerana air di tebing sungai di situ berwarna merah.

BANDAR SERIAN

Bandar Serian terletak di hulu Sungai Sadong di Bahagian Samarahan, kira-kira 65 kilometer dari bandar Kuching. Serian bukan lagi pekan persinggahan dalam perjalanan ke Sri Aman dan Sibu, tetapi sebuah pusat kegiatan ekonomi dan pembangunan sosial kepada lebih 100 000 penduduk pelbagai suku kaum yang tinggal di daerah tersebut.

Di samping tarikan semula jadi, daerah Serian juga terkenal kerana eksport teh mayang. Teh ini telah

berjaya menembusi pasaran antarabangsa. Kawasan penanaman teh ini ialah di Kampung Mayang dan Kampung Angkaruh. Projek penanaman teh ini adalah projek perintis di Sarawak.

Serian adalah nama sejenis tumbuhan. Namun, nama bandar ini dikatakan lahir daripada nama ular, iaitu ular siran atau katam tebu. Mengikut cerita, ular siran banyak sekali ditemui ketika kawasan Serian mula diterokai. Kononnya orang Inggeris pada zaman Brooke tidak pandai menyebut 'siran' lalu menyebut 'srian'. Sejak dari zaman itu nama Serian terus digunakan ketika menuju kepada daerah ini.

Sebelum 1955, Serian terletak di bawah pentadbiran Daerah Sadong. Daerah Sadong pula dibahagikan kepada dua daerah kecil iaitu Hilir Sadong (kini Simunjan) dan Hulu Sadong (kini Serian).

Daerah Serian terkenal dengan Teh Mayang.



SUNGAI JINGIN

Tanah air kita
Berkatanya Tuhan
Yang Maha Esa
Dan Yang Maha Kaya

Sungai Jingin ialah satu cabang Batang Ai. Muara Sungai Jingin terletak di antara Nara Nanga Delok dan Lubang Baya. Sungai Jingin sering disebut dalam sejarah Sarawak, kerana di sinilah ekspedisi yang diketuai oleh Charles Brooke, raja Sarawak yang kedua bertembung dengan pasukan Iban yang dipimpin oleh Ngumbang.

Di muara Sungai Jingin ini dapat dilihat tebing putih yang dikenali sebagai

Batu Apai Sali atau Batu Pasali. Apai Sali atau Pasali, adalah watak penting yang hidup bersama watak dongeng Keling. Mereka tinggal di negeri Panggau Labau. Menurut dongeng Iban, Apai Sali pernah kelihatan duduk di atas batu putih di Nanga Jingin itu. Lantaran itu, tebing tersebut dipanggil Apai Sali.

Apai Sali banyak muncul dalam dongeng Iban. Antara yang menarik ialah cerita Apai Sali

Charles Brooke bertembung dengan ketua Iban Ngumbang di Sungai Jingin



mencuri telur ayam jirannya. Apai Sali tidak pandai menyembunyikan telur-telur itu supaya tidak dapat dilihat orang. Dia cuma menyembunyikannya berhampiran dengan rumahnya, lalu dikesan oleh keluarganya. Kemudian dia mengikat telur-telur itu di sekeliling pinggang dan dadanya, namun telur-telur itu masih juga kelihatan. Akhirnya dia mendapat akal untuk mengikat telur-telur itu di atas dan di sekeliling kepalanya. Kemudian dia melihat ke kiri, ke kanan dan ke bawah. Telur itu tidak dapat dilihatnya. "Ah! Betul, inilah tempat yang baik sekali untuk menyem-

bunyikannya. Sekarang aku tidak dapat melihat telur-telur itu," bisik hatinya.

Apabila anaknya Ensali pulang, dia bertanya, "Mengapa Apai mengikat telur ayam itu di kepala?"

"Tak! Tak ada telur. Aku tak nampak pun. Di manakah telur ayam itu?" tanya Apai Sali kepada Ensali.

Kemudian Apai Sali sedar bahawa perbuatannya menyembunyikan telur di atas kepalanya itu adalah satu perbuatan yang bodoh. Darihal itu timbullah pepatah Iban: Baka Apai Sali bebalong telu (bagaikan Apai Sali berbalung telur ayam).

SIBU

Pada 1 Januari 1986, Pekan Simunjan diletakkan di bawah pentadbiran Majlis Daerah Simunjan yang mengantikan pentadbiran lama Majlis Daerah Hilir Sadong.

Tarikh 11 Januari 1889 mencatatkan satu titik hitam bagi bandar Sibu. Pada hari itu bandar Sibu lenyap sama sekali kerana dimakan api. Akan tetapi, selepas itu Sibu membangun semula. Malah Sibu kini bandar kedua terbesar dan terpenting di Sarawak selepas Kuching. Punca kepesatan kemajuan bandar Sibu ialah Sungai Rajang. Kemasukan kaum Cina suku Foochow telah mempercepat pembangunan Sibu kerana kegiatan perdagangan mereka.

Bandar Sibu dahulu dikenali sebagai Maling. Nama ini diambil daripada nama anak sungai yang mengalir berhampiran dengan Pejabat Daerah ketika itu. Kini anak sungai

tersebut sudah seakan-akan dilupakan dengan peningkatan fungsi Sungai Rajang sebagai nadi perhubungan, terutama dengan kawasan pedalaman negeri. Bandar Sibu terletak kira-kira 130 kilometer dari Laut Cina Selatan.

Ada cerita yang mengatakan bahawa nama Sibu itu diambil daripada nama sejenis rambutan yang dipanggil sibau. Sibau juga dikenali dengan nama remutan dan siambing. Penggunaan 'sibau' itu dipercayai sebagai tanda penghormatan kepada burung kenyalang, burung yang menjadi lambang negeri Sarawak.

Suatu hari, seekor burung kenyalang besar singgah di Maling. Semasa ditemui oleh penduduk tempatan, kenyalang itu sedang memakan buah sibau. Ketika itu sebiji sibau berada di dalam paruhnya. Maka tersebarlah cerita tentang kenyalang yang singgah di



Burung kenyalang, lambang negeri Sarawak.

Maling kerana sibaunya. Lama-kelamaan nama pekan Maling itu bertukar kepada Sibau. Walau bagaimanapun, 'Sibau' kemudian dieja 'Sibu' mungkin kerana kesilapan

transliterasi daripada tulisan jawi kepada rumi, atau kerana orang yang pertama menulis nama itu tidak mengetahui makna perkataan sibau.


SIMANGGANG

Simanggang terletak di tebing selatan Batang Luper, kira-kira 50 kilometer dari laut. Nama bandar ini lahir daripada nama pokok, pokok manggang. Manggang ialah sejenis nipah (atau apong) yang dahulu banyak tumbuh di tebing sungai di sekitar tapak bandar Simanggang.

Sejarah Simanggang tidak panjang, kerana bandar ini cuma dibuka pada permulaan abad ini. Bandar Simanggang

bermula sebagai sebuah kubu serta pangkalan pentadbiran kerajaan. Pada tahun 1849, Raja Sarawak membina sebuah kubu kira-kira lapan kilometer ke dari muara Sungai Skrang. Kubu itu dinamakan Fort James, sempena nama James Brooke. Dari situ tentera kerajaan berjaya mengawal pergerakan Dayak dari Skrang daripada menghilir untuk bergabung tenaga dengan Dayak dari Saribas dalam kegiatan melanun di

Pokok manggang banyak tumbuh di tebing sungai



laut. Kedua-dua suku ini juga sering menyerang suku-suku lain yang lebih lemah.

Pada tahun 1853, Fort James diserang oleh Rentap, pahlawan Dayak Skrang yang terkenal. Serangan itu mengakibatkan kematian penolong ketua pengawal kubu, Alan Lee. Walau bagaimanapun, pasukan Rentap gagal menawan kubu itu. Pada tahun 1864, kubu itu dipindahkan ke Simanggang kerana tempat itu lebih sesuai. Kubu yang dibina semula itu dinamakan Fort Alice, sempena nama Rani Margaret. Pembinaan Fort Alice itu menandakan permulaan pembangunan Simanggang. Residen pertama di Simanggang ialah

James Brook Crookshank.

Pada penghujung tahun 1973 bandar Simanggang ditukar namanya kepada Sri Aman, mengambil sempena perletakan senjata pengganas komunis Kalimantan yang menggunakan hutan di kawasan Lembah Rajang sebagai medan perjuangan mereka. Simanggang telah dipilih sebagai tempat diadakan upacara menandatangani memorandum persefahaman di antara kerajaan, yang diwakili oleh Ketua Menteri, YAB Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'kub, dengan Bong Kee Chok, pemimpin komunis Sarawak. Upacara itu diadakan pada 21 Oktober 1973.

SIMUNJAN

Simunjan adalah salah satu tempat yang paling digemari oleh Raja Brooke. Pekan ini dianggap sebagai 'istana kedua' beliau. Pekan Simunjan terletak di pertengahan Lembah Sadong. Dahulu pekan ini tidak dikenali dengan nama Simunjan tetapi dengan nama 'Sadong' mengambil sempena Batang Sadong, sungai yang mengalir di daerah tersebut. Ada dua pendapat tentang pertukaran nama Sadong kepada Simunjan.

Pendapat pertama mengatakan bahawa nama Simunjan lahir daripada perkataan see moon (mungkin daripada bahasa Cina atau bahasa Inggeris) yang merujuk kepada

keadaan bulan yang dilihat dari daerah itu pada suatu ketika dahulu.

Pendapat kedua pula mengatakan bahawa nama Simunjan mungkin membawa maksud 'gua besar'. Gua besar itu terdapat di Gunung Ngeli yang terletak berhampiran dengan pekan tersebut. Gunung Ngeli pernah terkenal dengan lombong arang batu. Perlombongan arang batu di sekitar Simunjan dimulakan oleh orang Inggeris pada 31 Januari 1872.

Simunjan juga pernah berperanan sebagai tempat persinggahan penting untuk balak, lada hitam, padi, getah, koko, pisang, kelapa dan pelbagai jenis hasil tanaman lainnya.